

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERLIS) PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN STAF

KETUA PTJ :

AHMAD NIZAN BIN MAT NOOR

KETUA UNIT KUALITI :

AZNOORA BINTI OSMAN

PENYELARAS :

MOHD FAUZI BIN ABDULLAH

PENULIS :

1. MOHD FAUZI BIN ABDULLAH
2. MOHD FAUZI BIN ABDULLAH
3. AZNOORA BINTI OSMAN
4. AZNOORA BINTI OSMAN
5. AHMAD NIZAN BIN MAT NOOR
6. AHMAD NIZAN BIN MAT NOOR
7. YUSWANIE BINTI MD YUSOF

8. ROZILAH BINTI RAJMI
9. NORAINI BINTI ISMAIL
10. MOHD ADLY BIN ROSLY
11. DALINA BINTI SAMSUDIN
12. MARINA BINTI ABU BAKAR
13. AZLIANA BINTI RAMLI
14. ZAMZILA ERDAWATI BINTI ZAINOL
15. HASYEILLA BINTI ABD MUTALIB
16. SITI SARAH BINTI MD ILYAS
17. NORFIZA BINTI IBRAHIM
18. AHMAD SUHAIL BIN KHAZALI
19. MUHAMMAD SYUKRI BIN NOOR AZMAN
20. NOORZILA BINTI SHARIF
21. NADIA BT ABDUL WAHAB
22. MOHD ZAINI BIN ZAINAL
23. MUHAMMAD FAIZ BIN PA'SUYA
24. HAFIDZAH BINTI HAJI ABDUL AZIZ
25. NABILAH AKEMAL BINTI MUHD ZAILANI
26. MUHAMMAD FARID HILMI BIN AIDIT
27. AHMAD FIKRI BIN MOHD KASSIM
28. HARITH RUSYDIN BIN ABD RAHMAN
29. AZIANI BINTI AHMAD
30. NUR IZZATI BINTI KHAIRUDIN
31. ANITA BINTI CHE HASSAN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMPs dipacu oleh kepimpinan yang **cekap, telus dan berpandangan jauh**, dengan barisan pengurusan berkaliber yang menekankan agenda kecemerlangan dan pembangunan staf sebagai tunjang utama. Kampus ini diterajui oleh Rektor bersama pasukan pengurusan tertinggi yang terdiri daripada Rektor, Timbalan Rektor (HEA), Timbalan Rektor (HEP), Timbalan Rektor (PJI) Timbalan Pendaftar Kanan, Timbalan Bendahari, Timbalan Jurutera dan Timbalan Pustakawan, serta disokong oleh Ketua Pusat Pengajian, Koordinator, Penyelaras dan Ketua Unit bagi memastikan fungsi pentadbiran dan akademik dilaksanakan secara menyeluruh.

Pelan Strategik UiTMPs 2024 disusun selaras dengan **Amanat Naib Canselor 2024** dan **Rancangan Malaysia ke-12**, seiring aspirasi universiti menjadi **Globally Renowned University**. Melalui tema “Menggapai ke Langit, Mengakar ke Bumi”, pelan ini menterjemahkan hala tuju UiTMPs dalam mencipta transformasi kecemerlangan dan ketampakan kampus. Perancangan strategik ini dirangka secara inklusif dengan mengambil kira pandangan daripada staf, pusat tanggungjawab dan unit utama, memastikan setiap strategi dirumus secara kolektif untuk memperkukuh mutu pencapaian kampus.

Pelaksanaan pelan strategik telah membentuk warga UiTMPs yang memiliki **budaya kerja dinamik, berorientasikan kecemerlangan dan berdaya saing** dalam bidang kepakaran masing-masing. Setiap bahagian digerakkan untuk **menggembelng tenaga, kepakaran dan idea** bagi memastikan inisiatif strategik memberi **impak positif kepada warga kampus dan masyarakat**. Bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan, **pemantauan berstruktur** dilaksanakan melalui Sistem UiSMS, yang merekod dan menilai pencapaian projek strategik mengikut Petunjuk Prestasi (PI). Setiap bahagian, fakulti dan unit bertanggungjawab menyelaras tindakan berdasarkan sasaran PI yang telah ditetapkan, dengan pemantauan dibuat secara berkala oleh Unit Perancangan Strategik (UPS).

Hasil pemantauan ini dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan untuk menilai keberhasilan, mengenal pasti kekangan dan seterusnya memperkemas pelan tindakan tahun berikutnya. Pendekatan ini memastikan proses penambahbaikan berterusan dapat dijalankan secara sistematik, menjadikan **Pelan Tindakan Strategik 2024** bukan sahaja sebagai panduan dan rujukan utama, tetapi juga sebagai **alat kawalan prestasi organisasi**.

Keseluruhannya, UiTMPs membuktikan kesungguhan dalam mengurus strategi dengan **pendekatan yang progresif, inklusif dan berkesan**, sekali gus memperkukuh reputasinya sebagai institusi berdaya saing dan berimpak tinggi.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Seiring dengan hala tuju Universiti Teknologi MARA, UiTMPs telah merangka lima teras utama dalam **Pelan Tindakan Strategik 2024** berteraskan pendekatan **Plan, Do, Check, Act (PDCA)** dengan tema “**Menggapai ke Langit, Mengakar ke Bumi**”. Strategi ini diselaras oleh **Jawatankuasa Pembangunan Kecemerlangan Kampus** bagi memastikan setiap inisiatif selari dengan objektif institusi, seterusnya memacu kecemerlangan UiTMPs secara holistik.

Teras Pertama: Pembangunan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan.

Melalui pembangunan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan, UiTMPs melaksanakan lima projek strategik iaitu **Empowering Your Writing Skills, Vibrant Conferences, Call for Proposals!, Coaching Series – Proposal Geran Penyelidikan, dan Pemantapan Kertas Kerja FRGS 2025**. Inisiatif ini berjaya meningkatkan penerbitan berimpak tinggi serta perolehan geran penyelidikan nasional, antarabangsa, industri dan komuniti. Kreativiti dan kepakaran pensyarah terserlah melalui **46 hak cipta dan 2 cap dagangan** berdaftar dengan MyIPO serta **11 projek perundingan bernilai RM48,446.85**. UiTMPs turut cemerlang melalui **kemenangan Pertandingan Inovasi Antarabangsa IDEX 2024 dan SIC-14** (Bukti 1.2.1).

Teras Kedua: Kemampanan Akademik.

Selaras dengan aspirasi UiTM sebagai Universiti **GRU2025**, UiTMPs memperkukuh pembangunan Bumiputera profesional melalui enam strategi utama termasuk **peningkatan enrolmen, peningkatan siswazah Graduate on Time (GOT), pemindahan ilmu kepada komuniti** serta **pembangunan UiTM MOOC dan Micro-Credential berkualiti tinggi**. Kualiti pengajaran, pembelajaran dan profesionalisme pensyarah diukur melalui SuFO, Pro-Pens, TESA dan TEX (Bukti 1.2.2).

UiTMPs juga turut meraikan kecemerlangan staf akademik melalui kemenangan **Anugerah Penyelidik Terbaik AAU dan Anugerah Sanjung Sarjana UiTM**. Kejayaan pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat antarabangsa turut diraih melalui kemenangan dalam e-Content Development Competition (eCONDEV) 2024. (Bukti 1.2.2).

Teras Ketiga: Graduan Holistik & Keusahawanan.

UiTMPs proaktif menghadapi cabaran *volatility, uncertainty, complexity, and ambiguity* (VUCA) dengan melahirkan graduan berkemampuan tinggi berasaskan DNA UiTM – Usaha, Mulia, Takwa (UTAMA). Empat sub-projek strategik di bawah BHEP memberi tumpuan kepada keseimbangan intelek, sahsiah, keterampilan profesional, patriotisme, kesukarelawananan dan kecergasan holistik (Bukti 1.2.3).

Teras Keempat: Pemeraksanaan Bakat Staf, Kelestarian Kampus & Strategi Kewangan.

Sebanyak 347 staf akademik berperanan dalam penghasilan **penerbitan berkualiti tinggi**, manakala 324 staf pentadbiran menyokong operasi melalui tadbir urus responsif, nilai ESI (Kecemerlangan, Sinergi, Integriti) dan **budaya kerja kelas pertama**. Strategi pembangunan staf merangkumi transformasi cara kerja, komunikasi rentas unit, profiling staf, latihan upskilling & reskilling dan peningkatan staf berkelayakan PhD. UiTMPs juga mengamalkan sistem ganjaran berimpak tinggi kepada staf seperti **Hari Inovasi UiTMPs 2024, pengiktirafan Tokoh Sukan UiTM 2024 dan Anugerah Semarak Sanjung 2023** (Bukti 1.2.4).

Teras Kelima: Pemanapan Jaringan, Jaringan Kolaborasi & Alumni.

UiTMPs memperkuat **kepimpinan strategik** melalui jaringan industri, komuniti di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara kolaborasi aktif termasuk dengan Universiti Islam Riau, National Central University Taiwan, Universitas Syiah Kuala Indonesia, dan Ho Chi Minh University of Technology Vietnam. Usaha ini meningkatkan sinergi strategik, keterlibatan alumni dan kepuasan pemegang taruh.

UiTMPs juga memperluaskan kepakaran staf melalui **perkongsian bidang bersama komuniti setempat**. Melalui perkongsian kepakaran ini, warga komuniti setempat menerima ilmu dan manfaat hasil jalinan kolaborasi yang dijalinkan (Bukti 1.2.5).

Secara keseluruhannya, **Pelan Tindakan Strategik UiTMPs 2024** membuktikan komitmen institusi dalam memperkuat penyelidikan, kemampanan akademik, pembangunan graduan, pemerksaan bakat staf dan jaringan global, sejajar aspirasi UiTM sebagai Globally Renowned University.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_K01_KB02_20251_Bukti 1.2.1_PENDEKATAN.pptx.pdf](#)
2. [K0033_K01_KB02_20252_Bukti 1.2.2_PENDEKATAN.pptx.pdf](#)
3. [K0033_K01_KB02_20253_Bukti 1.2.3_PENDEKATAN.pptx.pdf](#)
4. [K0033_K01_KB02_20254_Bukti 1.2.4_PENDEKATAN.pptx.pdf](#)
5. [K0033_K01_KB02_20255_Bukti 1.2.5_PENDEKATAN.pptx.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelan Tindakan Strategik 2024 UiTMPs dijadikan rujukan utama dan petunjuk prestasi (PI) yang perlu dicapai oleh seluruh warga kampus, sekaligus menjadi panduan kepada pengurusan dalam merealisasikan aspirasi **‘Menggapai Ke Langit, Mengakar Ke Bumi’**. Pelbagai strategi telah dirangka bagi memperkukuh **kecemerlangan pengurusan dan pembangunan staf**.

1.3.1 Memastikan Ketampakan dan Kepakaran Warga UiTM Cawangan Perlis

UiTMPs kekal komited dalam menyerlahkan kepakaran staf melalui **kerjasama strategik bersama komuniti** berfokuskan pemindahan ilmu, penyelidikan, penerbitan, inovasi, keusahawanan, pendidikan dan perundingan. Bahagian PJI menjadi peneraju dalam merangka dan menyelaras perancangan strategik berkaitan ketampakan kepakaran warga UiTMPs, dengan pemantauan berstruktur melalui pencapaian PI dan KPI yang telah ditetapkan. Usaha ini bagi memastikan UiTMPs sebagai pusat kecemerlangan ilmu melalui warganya yang bukan sahaja unggul dalam akademik, malah berperanan sebagai agen perubahan komuniti melalui bidang kepakaran dan inovasi (Bukti 1.3.1).

1.3.2 Mensinergikan Peranan Setiap Entiti

UiTMPs memperkukuh kerjasama antara universiti, industri, agensi kerajaan, komuniti dan pemegang taruh bagi menghasilkan pembangunan inklusif, berimpak dan mampan, sejajar dengan tuntutan Revolusi Industri 4.0. Nilai kebersamaan ini dizahirkan melalui kerjasama pelaksanaan program seperti **Karnival Minggu Sains Negara 2024 peringkat Negeri Perlis** (Bukti 1.3.2).

Tahun 2024 juga merupakan 50 Tahun teristimewa UiTMPs kerana sudah berusia 50 tahun. **Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UiTMPs** dilaksanakan bagi menghargai legasi institusi, memperkukuh jati diri warga serta menyemai kebanggaan bersama. Sebanyak 12 program strategik dilaksanakan dengan penyertaan staf, pelajar dan komuniti, sekaligus menyemarakkan semangat kekitaan serta keterlibatan semua warga kampus (Bukti 1.3.2).

1.3.3 Memperkasakan Jaringan Serta Kerjasama Antara Universiti

Pada tahun 2024, UiTMPs melaksanakan empat pendekatan strategik bagi memperkukuh jaringan kolaboratif universiti, industri dan komuniti, melalui (1) Pengukuhan kerjasama komuniti melalui geran dalaman (i-Talern, GIZA) dan geran nasional, antarabangsa serta komuniti; (2) Penganjuran program jaringan dan usahasama strategik; (3) Pemerkasaan kolaborasi bersama rakan strategik aktif menerusi program inbound dan outbound; dan (4) Pengukuhan jaringan antarabangsa melalui MoU/MoA dengan organisasi luar negara dan penglibatan dalam International SULAM (Bukti 1.3.3). Pendekatan strategik yang digunakan ini membuktikan iltizam UiTMPs dalam memperluas impak institusi melalui sinergi berterusan yang selari dengan agenda pengantarabangsaan.

1.3.4 Menggalakkan Penjanaan Hasil Melalui Kepakaran Bidang

Penjanaan pendapatan menjadi agenda utama UiTMPs pada tahun 2024 untuk menjamin kelestarian kewangan universiti. Antara sumber diperkukuh ialah wakaf, penyelidikan, inovasi,

sewaan ruang dan fasiliti. Kepakaran pensyarah dalam penyelidikan, perundingan dan inovasi telah menghasilkan paten dan pendaftaran harta intelek, sekali gus meningkatkan potensi komersial. Sebagai contoh, UiTMPs mempelbagaikan produk hiliran berasaskan harumanis melalui penyelidikan dan inovasi, di samping memperluas hasil pertanian seperti kompos, cendawan dan ternakan ayam kampung (Bukti 1.3.4).

Pendekatan ini membuktikan UiTMPs komited memanfaatkan kepakaran akademik untuk menjana pendapatan mapan serta menyokong ekosistem kewangan universiti secara menyeluruh. Secara keseluruhannya, strategi ini menegaskan peranan UiTMPs dalam memperkukuh kepakaran warga, mensinergikan entiti strategik, memperluas jaringan universiti, serta mengoptimumkan penajaan hasil demi kecemerlangan institusi yang berdaya saing dan berimpak tinggi.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_K01_KB03_20251_Bukti 1.3.1_PERLUASAN.pptx.pdf](#)
2. [K0033_K01_KB03_20252_Bukti 1.3.2_PERLUASAN.pptx.pdf](#)
3. [K0033_K01_KB03_20253_Bukti 1.3.3_PERLUASAN.pptx \(1\).pdf](#)
4. [K0033_K01_KB03_20254_Bukti 1.3.4_PERLUASAN.pptx.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dalam memacu Pengurusan Kanan UiTMPs sebagai satu kepimpinan yang berwibawa, ia dinilai melalui prestasi pada tahap yang unggul. Kewibawaan Pengurusan Kanan UiTMPs dalam mengekalkan kelestarian dan keberkesanan kepimpinan tersebut adalah melalui kompetensi profesional dan jati diri warganya.

Penglibatan Pengurusan Kanan UiTMPs dalam proses pemantauan dan penambahbaikan dilaksanakan secara strategik dan berkala bagi memastikan isu-isu dalam bidang tumpuan sentiasa dikenal pasti, ditambah baik dan disemak semula.

1. Pemantauan Melalui Petunjuk Prestasi (PI)

Hala tuju strategik UiTMPs digariskan melalui Bengkel Perancangan Strategik Tahunan dengan penglibatan aktif pengurusan kanan kampus. Setiap unit, bahagian dan fakulti dipertanggungjawabkan melaksanakan inisiatif berdasarkan Petunjuk Prestasi (PI) 2024. Unit Perancangan Strategik (UPS) menyelaraskan, memantau dan melaporkan prestasi mengikut PI spesifik, memastikan pencapaian strategik tercapai secara kolektif. Koordinator UPS pula membentangkan kemajuan PI secara berkala sebagai sebahagian mekanisme pemantauan berstruktur (Bukti 1.4.1.1).

2. Pemantauan Melalui Mesyuarat

Inisiatif strategik dalam bidang penyelidikan, penerbitan, perundingan, inovasi, jaringan industri, komuniti, alumni, keusahawanan dan kepakaran dipantau melalui Mesyuarat JPN yang diadakan enam kali setahun. Laporan tahunan JPN kemudiannya dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU) sebagai kesinambungan tindakan strategik di peringkat universiti. Bagi inisiatif jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan, pemantauan dibuat menerusi Mesyuarat JPN sebanyak empat kali setahun, berfungsi sebagai platform pelaporan dan penyelarasan strategik berfokus impak (Bukti 1.4.1.2).

3. Pemantauan Melalui Sistem UiSMS

UPS UiTMPs turut menjadi penyelarasan utama dalam memantau pencapaian projek strategik melalui sistem UiSMS, iaitu platform pelaporan berpusat bagi merekod, menganalisis dan menilai pelaksanaan projek secara sistematik. Melalui sistem ini, Koordinator UPS dapat menilai tahap pencapaian berpandukan indikator keberhasilan yang ditetapkan (Bukti 1.4.1.3).

Mekanisme pemantauan UiTMPs melalui PI, mesyuarat berkala dan sistem UiSMS dapat memastikan pelaksanaan strategik berjalan teratur, telus dan berimpak tinggi, selaras dengan aspirasi kecemerlangan institusi.

SENARAI BUKTI:

2. [K0033_K01_KB04_KC01_20252_Bukti 1.4.1.2_PEMBELAJARAN.pptx.pdf](#)
3. [K0033_K01_KB04_KC01_20253_Bukti 1.4.1.3_PEMBELAJARAN.pptx \(1\).pdf](#)
- 4.
- 5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko berperanan penting dalam mengenal pasti, merangka dan melaksanakan tindakan mitigasi sekiranya sasaran strategik tidak berada pada landasan yang baik. Bagi memperkukuh amalan ini, UiTMPs telah memperkasakan Unit Pengurusan Kualiti (UPK) dengan melantik Ketua Unit Kualiti yang melapor terus kepada Rektor.

Pengurusan Kanan UiTMPs menekankan kepentingan pemantauan berterusan dan pelaksanaan tindakan penambahbaikan yang efisien untuk mencegah risiko daripada berulang. Melalui Pelan Tindakan Strategik 2024, Rektor membentangkan inisiatif strategik yang dirangka bagi memastikan warga UiTMPs memahami dan bekerjasama dalam menangani risiko berkaitan bidang tumpuan masa hadapan.

Penglibatan aktif pengurusan kanan dalam program, aktiviti dan mesyuarat turut menjadi kaedah proaktif dalam mengenal pasti risiko dengan lebih sistematik. UPK melaksanakan pendekatan dua hala (top-down dan bottom-up) dengan meneliti risiko daripada setiap bahagian, fakulti dan unit, menyelaraskan pelaporan serta membentangkan maklumat risiko, tindakan pencegahan dan penambahbaikan kepada kepimpinan tertinggi.

Setiap bahagian, fakulti dan unit telah menyediakan Daftar Risiko 2024, yang seterusnya didaftarkan ke dalam sistem eRMS oleh UPK UiTMPs bagi memastikan pengurusan risiko lebih sistematik, efisien dan terurus. Semakan semula risiko dilakukan secara berkala melalui Mesyuarat UPK bersama wakil PTJ (Bukti 1.4.2.1).

Tindakan pencegahan dilaksanakan melalui pemantauan berkala dan pembentangan strategi oleh Pemilik Risiko dalam Mesyuarat JPR, sekali gus mengurangkan impak risiko terhadap operasi kampus. Seterusnya, Pengurusan Kanan bersama jawatankuasa berkaitan merangka, melaksanakan dan membudayakan pelbagai inisiatif penambahbaikan bagi memastikan risiko dikenalpasti dapat ditangani dengan berkesan.

UiTMPs telah berjaya membangunkan sistem pengurusan risiko yang menyeluruh, efisien dan berstruktur, sekali gus mengukuhkan daya tahan institusi dalam mendepani cabaran serta memastikan kelestarian pengurusan kampus.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_K01_KB04_KC02_20251_Bukti 1.4.2.1_PEMBELAJARAN.pptx.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMPs komited mengkaji semula sasaran dan objektif bidang tumpuan melalui pendekatan yang bersistematik, berfokus dan inklusif. Usaha ini dilaksanakan melalui tiga mekanisme utama:

1. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)

MKSP diadakan setiap tahun sebagai platform penilaian sistematik bagi mengenal pasti ruang penambahbaikan tadbir urus kampus. Dapatan MKSP 2024 (Bukti 1.4.3.1) dijadikan asas kepada penambahbaikan berterusan, sekali gus memperkukuh kecekapan pengurusan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang berimpak tinggi.

2. Petunjuk Prestasi (PI) Tahun 2024

UiTMPs melaksanakan pendekatan top-down yang menyeluruh dengan penglibatan semua bahagian, unit dan fakulti dalam menjayakan inisiatif strategik kampus. Melalui Bengkel Perancangan Strategik 2024 yang dikendalikan oleh Koordinator UPS, pencapaian terdahulu dibentangkan dan pengagihan PI 2024 ditetapkan sebagai rujukan utama dalam merangka tindakan strategik (Bukti 1.4.3.2). Berpandukan PI ini, setiap entiti bertanggungjawab merancang dan melaksanakan inisiatif masing-masing bagi memastikan sasaran kampus direalisasikan secara efektif, konsisten dan berimpak tinggi.

3. Pelan Tindakan Strategik 2024

Pelan Strategik UiTMPs 2024 dijadikan rujukan utama dalam menetapkan hala tuju kampus dengan PI yang jelas, disokong pemantauan dan penambahbaikan berkala. Proses ini melibatkan penyertaan menyeluruh setiap bahagian, unit dan fakulti untuk memastikan isu-isu bidang tumpuan dikenalpasti, ditambah baik dan disemak secara strategik. Bengkel ini diselaras oleh Unit Perancangan Strategik (UPS) dengan tujuan memperkemas penyelarasan PI serta menyediakan maklumat terkini kepada semua entiti kampus. Hasilnya dimuktamadkan sebagai Pelan Tindakan Strategik UiTMPs 2024, yang menjadi asas pelaksanaan inisiatif strategik sepanjang tahun (Bukti 1.4.3.3).

4. Pelan Pembangunan UiTMPs 2024 - 2034

UiTMPs berjaya dalam mewujudkan ekosistem tadbir urus yang berstruktur, dengan penglibatan aktif seluruh warga kampus, memastikan setiap inisiatif strategik disokong oleh pemantauan rapi, penambahbaikan berterusan, serta pencapaian yang jelas dan berimpak melalui Blueprint Pelan Pembangunan UiTMPs 2024 - 2034 (Bukti 1.4.3.4).

Pelan Pembangunan ini merangkumi visi, aspirasi dan 4 fasa utama pembangunan kampus yang dirangka untuk tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2024 hingga 2034. Fokus utama adalah menyediakan persekitaran pembelajaran terbaik dan memastikan kesejahteraan warga kampus. Ia bertujuan untuk memastikan kemudahan, infrastruktur dan ekosistem kampus yang kondusif bagi menyokong pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti di UiTMPs.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_K01_KB04_KC03_20251_Bukti_1.4.3.1_PEMBELAJARAN.pptx \(1\).pdf](#)
2. [K0033_K01_KB04_KC03_20252_Bukti_1.4.3.2_PEMBELAJARAN.pptx.pdf](#)

3. [K0033_K01_KB04_KC03_20253_Bukti 1.4.3.3_PEMBELAJARAN.pptx.pdf](#)
4. [K0033_K01_KB04_KC03_20254_Bukti 1.4.3.4_PEMBELAJARAN.pptx.pdf](#)
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan UiTMPs sentiasa konsisten dalam melaksanakan inisiatif strategik yang dirancang, bagi memperkukuh kecemerlangan pengurusan, pembangunan staf serta kelestarian kampus.

1.5.1. Meningkatkan Kemahiran Staf dan Semangat Kerja Berpasukan

Komitmen kolaboratif warga UiTMPs telah membuahkan kejayaan apabila kampus ini meraih Anugerah Transformasi Kecemerlangan Ketampakan UiTM 2024 dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti 2024. Sebagai penghargaan, Majlis Anugerah Semarak Sanjung dianjurkan saban tahun bagi mengiktiraf sumbangan warga dalam penyelidikan, penerbitan, inovasi, jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan (Bukti 1.5.1).

Selain itu, kepelbagaian kemahiran staf pentadbiran turut diberi perhatian melalui hebahan kepakaran dalam Pelan Tindakan Strategik 2024, membolehkan UiTMPs mengoptimumkan sumber, mengurangkan kos dan meningkatkan keberkesanan operasi. Hasilnya, Bahagian Kewangan UiTMPs meraih Anugerah Khidmat Pelanggan Cemerlang di peringkat UiTM.

1.5.2. Memperkembangkan Kepakaran Staf Bersama Komuniti

Melalui **Geran Sejati MADANI 2024**, pensyarah UiTMPs telah membantu komuniti setempat menjana pendapatan melalui inisiatif berasaskan produk tempatan (Bukti 1.5.2). Projek ini berjaya mengautomatiskan operasi perniagaan komuniti, meningkatkan daya saing digital, sekali gus menyokong aspirasi Malaysia MADANI. UiTMPs turut meraih Geran Semarak Nasional (Penyelidikan/Industri) yang berfokus kepada produk inovatif dan pemindahan teknologi untuk penyelesaian isu sosial. Keupayaan staf dalam memperoleh Geran Industri, Geran Inovatif Zakat (GIZA) 2024 dan Geran Kecil Alam Sekitar Negeri Selangor membuktikan keyakinan industri terhadap penyelidikan UiTMPs (Bukti 1.5.3).

Selain itu, UiTMPs menerima **Anugerah Khidmat Komuniti dan Kemasyarakatan** bagi Kumpulan Pelaksana dalam Anugerah Khas Bendahari, menegaskan sumbangan signifikan dalam sektor pertanian dan teknologi hijau yang berimpak kepada pembangunan lestari negara (Bukti 1.5.4).

1.5.3. Memupuk Usaha Pengurangan Kos dan Penjanaan Pendapatan

UiTMPs mengekalkan momentum penjanaan pendapatan melalui Unit Ladang, dengan memperkenalkan padi dan nenas sebagai tanaman utama berpotensi tinggi. Hasil agroekonomi turut diperkukuh dengan jualan tanaman industri, sayuran, buah-buahan, ternakan, pasturan, baja kompos dan anak benih, yang secara kolektif membuktikan kebolehlaksanaan agropreneurship universiti sebagai pemacu ekonomi kampus (Bukti 1.5.5).

Selain itu, kerjasama dengan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Negeri Kedah dan Perlis dalam jualan ayam kampung kacuk mengikut gred turut menambah sumber pendapatan universiti berasaskan agropreneurship. Di peringkat komersial, Athanliz Sdn. Bhd., start-up milik UiTMPs, terus mengukuhkan potensi harumanis melalui pengeluaran produk hiliran makanan (serunding, acar, gummies, teh, bertih jagung) dan kosmetik (lip balm, sabun, skrub, kernel oil lotion). Inisiatif ini bukan sahaja memperluas pasaran hiliran harumanis, malah memperkukuh inovasi tempatan sebagai pemacu ekonomi keusahawanan kampus (Bukti 1.5.5).

Inisiatif strategik UiTMPs pada tahun 2024 telah berjaya memperkukuh kepakaran staf, memperluas impak komuniti, memupuk inovasi berasaskan tempatan, serta menjana

pendapatan maupun. Rejayaan ini menegakkan kedudukan UTM sebagai peneraju kecemerlangan ilmu, inovasi dan keusahawanan, sejajar dengan aspirasi universiti dan negara.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_K01_KB05_20251_Bukti 1.5.1 INTEGRASI.pptx.pdf](#)
2. [K0033_K01_KB05_20252_Bukti 1.5.2 INTEGRASI.pptx.pdf](#)
3. [K0033_K01_KB05_20253_Bukti 1.5.3 INTEGRASI.pptx.pdf](#)
4. [K0033_K01_KB05_20254_Bukti 1.5.4 INTEGRASI.pptx.pdf](#)
5. [K0033_K01_KB05_20255_Bukti 1.5.5 INTEGRASI.pptx.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

#Mengapai ke langit, Mengakar ke bumi#

Meneruskan momentum transformasi strategik yang digerakkan pada tahun 2024, UiTM Cawangan Perlis terus komited memperkukuh keupayaan pengurusan dan pembangunan staf melalui pelaksanaan pelan tindakan strategik. Pelan ini menggariskan pendekatan menyeluruh berdasarkan prinsip Plan, Do, Check, Action (PDCA) dan selari dengan halatuju Pelan Strategik UiTM 2024 yang lebih luas, dengan matlamat untuk mengangkat universiti ke standard global. Dengan slogan "**Strategising towards GRU2025: Dream Big, Go Beyond**", Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2024 memberi penekanan kepada keberkesanan pelaksanaan, pengukuhan sistem pemantauan, dan penambahbaikan berterusan secara berfokus. Pendekatan strategik yang diteruskan pada tahun ini berfokus kepada lima teras utama iaitu (i) Pembangunan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan, (ii) Kemampanan Akademik, (iii) Graduan Holistik & Keusahawanan, (iv) Pemerksaan Bakat Staf, Kelestarian Kampus & Strategi Kewangan dan (v) Pemantapan Jaringan, Jalinan Kolaborasi & Alumni.

Kesemua teras ini terus digerakkan melalui inisitif yang menyepadukan tadbir urus strategik, pelaporan prestasi menerusi sistem UiSMS yang dibangunkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dan dipantau secara berkala oleh Pengurusan kanan UiTMPs dan Pejabat Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU). Di samping itu, sistem UiTM Talent Excellence Management System (TEMS) turut diintegrasikan sebagai pemprofilan staf yang komprehensif, membolehkan perancangan pembangunan staf dilaksanakan secara lebih terarah dan berfokus. Segala perancangan yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Strategik UiTMPs 2024 telah **disampaikan secara menyeluruh kepada warga kampus** melalui pelbagai wadah, di antaranya Majlis Penyampaian Sasaran Petunjuk Prestasi (Performance Indicator) peringkat kampus, emel rasmi serta penerbitan di laman sesawang Perancangan Strategik & Transformasi Universiti UiTMPs. Penyampaian ini memastikan seluruh warga memahami hala tuju strategik institusi dan dapat menggembeng usaha secara kolektif ke arah pencapaian yang disasarkan.

Pelan Tindakan Strategik 2024 UiTMPs turut memperincikan pelaksanaan program mengikut bidang tumpuan dengan hasil yang ketara. Pengembangan usaha perancangan strategik ke arah pengurusan dan pembangunan staf yang melangkaui kampus ke peringkat komuniti dan global. Ini termasuk bengkel, kempen media sosial, dan penerbitan yang telah meningkatkan visibiliti dan impak UiTMPs dengan ketara. Inisiatif strategik ini **disemak dan diperbaiki secara berkala** melalui mekanisme maklum balas, memastikan peningkatan berterusan dan keselarasan dengan matlamat institusi. UiTMPs juga memastikan kelancaran pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik 2024 menerusi mekanisme **pemantauan dan penilaian yang bersistematik** serta berterusan melalui beberapa cara yang sistematik misalnya penggunaan sistem UiSMS untuk melaporkan dan memantau pencapaian KPI & PI kampus sepanjang tahun. Setiap projek yang telah dirancang akan dilaporkan tahap kemajuannya oleh PSTU kampus di dalam sistem UiSMS. Selain itu, kemajuan prestasi projek turut dipantau oleh pengurusan kanan UiTMPs secara berterusan melalui mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) yang dijalankan secara berkala sepanjang tahun.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan strategik UiTMPs tahun 2024 dibina atas asas perancangan yang mantap, pelaksanaan yang tersusun, pemantauan yang berstruktur, dan

penambahbaikan yang responsif. Langkah ini secara langsung memperkukuh posisi UiTMPs sebagai sebuah institusi yang bukan sahaja cemerlang dalam pengurusan dan pembangunan staf, tetapi juga berdaya saing dan relevan dalam landskap pendidikan tinggi yang dinamik.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelaksanaan Pelan Strategik UiTMPs digerakkan secara sistematik dan menyeluruh berasaskan prinsip PDCA, selari dengan matlamat GRU2025. Pendekatan ini termasuklah kepada pengurusan dan pembangunan staf yang holistik melalui pelaksanaan program yang berpaksikan lima bidang tumpuan utama. Sebagai langkah perancangan, UiTMPs membangunkan Model Transformasi Perancangan Strategik UiTMPs (PS UiTMPs) 2024 mengambilkira halatuju UiTM dalam merangka inisiatif untuk mencapai petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan Rajah 2.2(a)(Bukti 1).

Oleh itu, PS UiTMPs diolah berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025 bagi menjadikan UiTM sebuah universiti bertaraf global. PS UiTMPs juga memberi perhatian kepada bilangan PI yang ditetapkan, iaitu sebanyak **75 PI pada tahun 2024**. Jumlah PI yang tinggi ini berpotensi menyebabkan pertindihan yang tidak tepat kepada pemilik. Bagi memastikan pemetaan yang tepat kepada PI, PS UiTMPs membahagikan PI kepada **lima (5) teras utama** iaitu; (i) **Pembangunan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan**, (ii) **Kemampuan Akademik**, (iii) **Graduan Holistik & Keusahawanan**, (iv) **Pemeriksaan Bakat Staf, Kelestarian Kampus & Strategi Kewangan**, dan (v) **Pemantapan Jaringan, Jalinan Kolaborasi & Alumni**. Pemilikan PI diperjelas dengan pembahagian tanggungjawab kepada unit yang relevan, termasuk fakulti dan bahagian pentadbiran.

Pengumpulan maklumat yang tepat, pantas dan efisien dapat mempergiatkan lagi proses pemantauan setiap unit/bahagian dalam mencapai sasaran PI. Oleh itu, sistem dashboard yang dikenali sebagai **UiTM Talent Excellence Management System (TEMS)** adalah merupakan satu inovasi yang terhasil daripada transformasi PS UiTMPs. TEMS memudahkan urusan pengumpulan maklumat terperinci staf mengikut kategori seperti berikut; (i) **Pengalaman Industri**, (ii) **Kelayakan Profesional**, (iii) **Sangkutan Staf**, (iv) **Keahlian Akademik/ Badan Profesional/ Persatuan/ NGO**, dan (v) **Anugerah dan Pencapaian**.

Setiap teras PS UiTMPs tersebut dipetakan kepada unit/bahagian yang bersesuaian Rajah 2.2(b) dan Rajah 2.2(c)(Bukti 2).

Pemilik PI yang bertindak sebagai pengurus projek serta ahlinya berfungsi untuk memastikan hasil inisiatif PS berimpak tinggi dicapai. Pemeraksanaan Pemetaan Petunjuk Prestasi UiTMPs ini direalisasikan melalui program/inisiatif yang telah diadakan iaitu; (i) **Bengkel Perancangan Strategik** dan (ii) **Pelaporan Pencapaian PI UiTMPs 2024 di Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri**, serta (iii) **hebahan melalui emel dan laman sesawang** Rajah 2.2(d)(Bukti 3). Pendekatan ini adalah bagi memastikan kesemua inisiatif **diperhalusi, dipantau, dihebah dan dipinda** untuk penambahbaikan secara berkala agar semua PI dapat dicapai.

Dari segi pelaksanaan, pelbagai inisiatif telah dijalankan di bawah kendalian pemilik PI yang dilantik sebagai pengurus projek. Usaha ini disokong melalui penubuhan **Strategic Action Team** yang diketuai oleh Rektor, Pengurusan UiTMPs, Penyelaras Perancangan Strategik (PSTU), Unit Kualiti, Pengurus, serta ahli projek yang terlibat. Kepimpinan UiTMPs turut mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan **Jawatankuasa Perancangan Strategik UiTMPs** untuk membantu PSTU dalam memastikan kelancaran pengurusan dan pemantauan inisiatif Rajah 2.2(e) dan Rajah 2.2(f)(Bukti 4).

Dalam pengurusan dan pembangunan staf, UiTMPs komited untuk menghasilkan staf akademik

dan pentadbiran yang holistik serta dinamik melalui semua teras utama PS UiTMPs. Usaha ini telah diperincikan lagi dengan penetapan **empat (4) sasaran utama** iaitu; **(i) Memastikan Ketampakan dan Kepakaran Warga UiTMPs, (ii) Mensinergikan Peranan Setiap Entiti, (iii) Memperkasakan Jaringan Serta Kerjasama Antara Universiti dan (iv) Menggalakkan Penjana Hasil Melalui Kepakaran Bidang Rajah 2.2(g)(Bukti 5).**

Secara keseluruhannya, pendekatan PS UiTMPs adalah sistematik dan menyeluruh, berpandukan Model Transformasi dan inovasi TEMS yang dibangunkan oleh *Strategic Action Team*.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_P01_PB02_20251_BUKTI 1_Rajah 2.2\(a\) PENDEKATAN.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB02_20252_BUKTI 2_Rajah 2.2\(b\) & 2.2\(c\) PENDEKATAN.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB02_20253_BUKTI 3_Rajah 2.2\(d\) PENDEKATAN.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB02_20254_BUKTI 4_Rajah 2.2\(e\) & 2.2\(f\) PENDEKATAN.pdf](#)
5. [K0033_P01_PB02_20255_BUKTI 5_Rajah 2.2\(g\) PENDEKATAN.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perancangan Strategik dalam Pengurusan dan Pembangunan Staf UiTMPs

Pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik UiTMPs 2024 bukan sahaja tertumpu kepada keberkesanan di peringkat dalaman kampus, tetapi turut diperluas secara sistematik ke peringkat komuniti dan antarabangsa. Pendekatan perluasan ini dilaksanakan secara berfasa dengan memanfaatkan pelbagai saluran penyampaian maklumat dan libat urus strategik, sekaligus mengukuhkan peranan UiTMPs sebagai institusi yang progresif dan berimpak.

2.3.1. Perluasan di Peringkat UiTMPs

Di peringkat kampus, pelaksanaan strategik dimulakan dengan penganjuran Bengkel Perancangan Strategik yang melibatkan seluruh pengurusan tertinggi UiTMPs, ketua pusat tanggungjawab serta penyelararas pelaporan. Bengkel ini berfungsi sebagai platform perbincangan hala tuju serta penyelararas pelan tindakan mengikut bidang tumpuan dan petunjuk prestasi yang di tetapkan **Rajah 2.3 (a) (Bukti 1)**.

Maklumat berkaitan strategik dan pencapaian turut dilakukan melalui laman sesawang kampus, saluran elektronik (e-mel) oleh penyelararas PSTU Perlis. Penyampaian maklumat juga dilakukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri, bersama barisan pengurusan tertinggi Pelaksanaan Penyampaian maklumat yang telus dan menyeluruh ini memsadikan semua pihak mendapat maklumat yang tepat untuk melaksanakan inisiatif dengan lebih berfokus dan bertanggungjawab **Rajah 2.3 (b) (Bukti 2)**. Pelaksanaan sistem Talent Excellence Management System (TEMS) di dalam laman sesawang PSTU berfungsi sebagai Hub Data pengurusan dan pembangunan Staf yang menyokong perkongsian data staf secara langsung antara pihak pengurusan dan penyelararas strategik **Rajah 2.3 (c) (Bukti 3)**.

2.3.2. Perluasan di Peringkat Komuniti dan Global

Perluasan pelaksanaan turut diperkuat di peringkat komuniti dan antarabangsa melalui beberapa pendekatan strategik. Laman sesawang rasmi UiTMPs berfungsi sebagai hub informasi utama bagi kebolehcapaian maklumat Strategic Action Plan (SAP) dan Indeks Prestasi (PI) kepada warga kampus, komuniti luar dan pihak berkepentingan. **Rajah 2.3 (d) (Bukti 4)**

Selain itu, platform media sosial rasmi UiTMPs seperti Facebook dan Instagram dimanfaatkan secara aktif untuk meningkatkan ketampakkan institusi mempromosi inisiatif strategik dan mewujudkan komunikasi dua hala bersama komuniti dan antarabangsa. Hasil penggunaan saluran komunikasi yang inklusif ini telah membuahkan kejayaan, antaranya pengiktirafan UiTMPs sebagai penerima tempat pertama dalam Anugerah Prestasi Kecemerlangan Ketampakan **Rajah 2.3 (e) (Bukti 4)**. Pendekatan ini turut memperkukuh jenama institusi dan membina kepercayaan komuniti terhadap kepimpinan serta keupayaan strategik kampus.

Penghasilan dokumen Blue Print 2024–2034 turut memperkukuh perluasan perancangan strategik dalam skop jangka panjang. Blueprint ini dirasmikan oleh DYTMM Tuanku Raja Muda Perlis, berfungsi sebagai dokumen rujukan yang memperincikan pembangunan kampus secara bersepadu serta mendukung pemerkasaan kemudahan dan kebajikan staf secara berterusan. Ketersediaan dokumen ini secara terbuka mengukuhkan peranan UiTMPs dalam memacu keterlibatan bersama komuniti dan pemegang taruh di peringkat nasional dan antarabangsa. **Rajah 2.3 (f) (Bukti 5)**.

Melalui perluasan pelaksanaan dan penyebaran strategi ini, UiTMPs bukan sahaja berjaya memperkukuh sistem pengurusan dan pembangunan staf secara menyeluruh, malah turut memperluas impak strategik di peringkat komuniti dan global, selaras dengan aspirasi GRU2025 dalam memacu kecemerlangan berteraskan nilai lestari dan kebitaraan antarabangs.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_P01_PB03_20251_BUKTI 1_Rajah 2.3 \(a\)PERLUASAN.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB03_20252_Bukti 2_Rajah 2.3 \(b\)PERLUASAN.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB03_20253_Bukti 3_Rajah 2.3 \(c\) PERLUASAN.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB03_20254_BUKTI 4_Rajah 2.3 \(d\)\(e\)_PERLUASAN.pdf](#)
5. [K0033_P01_PB03_20255_Bukti 5_Rajah 2.3\(f\) PERLUASAN.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMPS memastikan Pelan Tindakan Strategik 2024 berjalan lancar dengan **pemantauan dan penilaian yang sistematik dan berterusan**. Untuk tujuan ini, UiTMPS telah membangunkan **Model Pemantauan PDCA**: Rancang (*Plan*), Laksana (*Do*), Semak (*Check*), dan Bertindak (*Act*) **Rajah 2.4 (a) (Bukti 1)**. Semua projek dalam pelan strategik ini dirancang secara sistematik menggunakan dua pendekatan utama:

1. **Konvensional** secara Bersemuka: Melalui mesyuarat dan bengkel.
2. Teknologi secara **Maya**: Melalui persidangan video dan emel.

Pendekatan ini menggabungkan pemantauan dari atas ke bawah (*top-down*) dan dari bawah ke atas (*bottom-up*), yang memastikan komunikasi dua hala. Pengurusan tertinggi menyampaikan informasi kepada kumpulan sasaran, dan input dari kumpulan sasaran pula digunakan untuk merancang dan memperbaiki strategi.

Bagi Pelaksanaan (*Do*), **Jawatankuasa PS yang diketuai oleh PSTU** telah dibentuk untuk memantau prestasi projek yang dilaksanakan bersama dengan **Strategic Action Team** dan **Pengurusan UiTMPS** **Rajah 2.4 (b) (Bukti 2)**. Jawatankuasa ini **memantau pelaksanaan projek melalui Sistem UiSMS** pada setiap bulan. Pengarah Projek dan Pengurus Projek telah melaporkan kemajuan projek melalui Sistem UiSMS **Rajah 2.4 (c) (Bukti 3)**.

Proses Semakan (*Check*) dilakukan untuk projek-projek yang mempunyai kemajuan rendah agar langkah alternatif dapat diambil. **Analisa pemantauan dan kemajuan projek** telah dibentangkan secara berkala oleh PSTU kepada pengurusan UiTMPS melalui **Pelaporan Pencapaian PI UiTMPS 2024** di **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri**, serta **hebahan melalui emel dan laman sesawang** **Rajah 2.4 (d) (Bukti 4)**.

Tindakan Penambahbaikan (*Act*) dilaksanakan berdasarkan input dari Mesyuarat JKEN. **Analisa SWOT** (*Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats*) digunakan untuk memperbaiki Pelan Tindakan Strategik kampus. Dengan Model Pemantauan PDCA yang sistematik dan Analisa SWOT ini, kemajuan projek sentiasa dikemaskini dan tindakan alternatif yang pantas dapat diambil untuk memastikan pencapaian Pelan Tindakan Strategik kampus **mencapai piawaian** yang ditetapkan **Rajah 2.4 (e) (Bukti 5)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_P01_PB04_PC01_20251_Bukti_1_Rajah_2.4\(a\)_Pembelajaran_Pemantauan.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB04_PC01_20252_Bukti_2_Rajah_2.4\(b\)_K2_Pembelajaran_Pemantauan.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB04_PC01_20253_Bukti_3_Rajah_2.4\(c\)_K2_Pembelajaran_Pemantauan.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB04_PC01_20254_Bukti_4_Rajah_2.4\(d\)_K2_Pembelajaran_Pemantauan.pdf](#)
5. [K0033_P01_PB04_PC01_20255_Bukti_5_Rajah_2.4\(e\)_K2_Pembelajaran_Pemantauan.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam menjayakan agenda pengurusan dan pembangunan staf yang holistik, UiTMPS tidak terlepas daripada **menghadapi pelbagai risiko**. Pengurusan risiko yang berkesan sangat penting kerana ia melibatkan kos dan manfaat dalam jangka masa pendek dan panjang. Oleh itu, UiTMPS telah menubuhkan **Jawatankuasa Pengurusan Risiko** (Bukti 1) untuk mengawal dan memantau risiko-risiko yang mungkin timbul semasa pelaksanaan inisiatif dalam perancangan strategik. Risiko tersebut dianalisis berdasarkan tahap dan impaknya terhadap: (1) strategi, (2) reputasi, (3) kewangan, dan (4) operasi dan langkah-langkah awal diambil untuk memastikan tiada kegagalan dalam mencapai KPI yang ditetapkan oleh UiTMPS **Rajah 2.4 (f) (Bukti 1)**.

Risiko bagi setiap inisiatif strategik telah direkodkan menggunakan **Templat Pengurusan Risiko** untuk Pelan Tindakan Strategik 2024 yang telah ditambahbaik dari Pejabat Transformasi Universiti **Rajah 2.4 (g) (Bukti 2)**. **Rajah 2.4 (h) (Bukti 3)** menunjukkan **contoh Templat Pengurusan Risiko** yang telah diisi pada tahun 2024.

Semua projek yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Strategik 2024 telah didaftarkan di sistem UiSMS. Semua projek perlu **dinilai dan dikenalpasti tahap risiko** samada **rendah, sederhana, tinggi** atau **ekstrem** dan turut didaftarkan ke Sistem UiSMS **Rajah 2.4 (i) (Bukti 4)**. Untuk projek yang mempunyai tahap risiko yang tinggi dan ekstrem, **pelan mitigasi** telah dirancang dan direkodkan **Rajah 2.4 (g) (Bukti 2)**. Jika berlaku sebarang masalah atau halangan semasa projek sedang berjalan, pelan mitigasi akan dilaksanakan bagi memastikan tiada kegagalan dalam mencapai KPI dan PI yang telah ditetapkan UiTM kepada UiTM Cawangan Perlis.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_P01_PB04_PC02_20251_Bukti_1_Rajah_2.4\(f\)_K2_Pembelajaran_Risiko.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB04_PC02_20252_Bukti_2_Rajah_2.4\(g\)_K2_Pembelajaran_Risiko.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB04_PC02_20253_Bukti_3_Rajah_2.4\(h\)_K2_Pembelajaran_Risiko.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB04_PC02_20254_Bukti_4_Rajah_2.4\(i\)_K2_Pembelajaran_Risiko.pdf](#)

2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMPs memberi keutamaan kepada budaya penambahbaikan berterusan melalui amalan pengkajian semula secara sistematik. Hasil **pemantauan dan laporan inisiatif strategik** dibentangkan secara **berkala** dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** seperti yang dirujuk dalam **Rajah 2.4 (j) (Bukti 1)** dijadikan asas kepada pelaksanaan penambahbaikan.

Setelah mesyuarat tersebut, strategi dan inisiatif yang dibincangkan disampaikan kepada seluruh warga UiTM Perlis (UiTMPs) melalui pelbagai saluran, termasuk secara fizikal dan atas talian. Antara saluran komunikasi yang digunakan adalah **email pemakluman mengenai Pencapaian Petunjuk Prestasi Rajah 2.4 (k) (Bukti 2)**, serta **laman sesawang** Unit Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti UiTMPs yang **memaparkan pencapaian PI Kampus Rajah 2.4 (l) (Bukti 3)**.

Usaha ini bertujuan untuk memastikan bahawa Pengurusan Kanan UiTMPs dan seluruh warga universiti menerima **maklumat yang tepat dan terkini** dengan cara yang cepat. Mekanisma penerangan ini juga melibatkan kumpulan sasaran, iaitu staf, dalam memberikan input bagi penambahbaikan berterusan. Kumpulan sasaran turut diberi ruang untuk memberikan **input dan maklum balas dari warga** melalui aplikasi-aplikasi mudah diakses seperti Facebook, WhatsApp, Google Form, dan lain-lain. Aplikasi-aplikasi ini dipilih kerana ia mesra pengguna dan sentiasa terkini. **Sinergi antara penglibatan dan sumbangan nilai tambah dari warga** telah memberikan kesan langsung terhadap peningkatan kualiti dan kecemerlangan UiTMPs, seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2.4 (m) (Bukti 4)**. Pendekatan ini memberi rasa pemilikan bersama terhadap hasil pelaksanaan strategi.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_P01_PB04_PC03_20251_Bukti 1_Rajah 2.4\(j\)_K2_Pembelajaran_Penambahbaikan.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB04_PC03_20252_Bukti 2_Rajah 2.4\(k\)_K2_Pembelajaran_Penambahbaikan.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB04_PC03_20253_Bukti 3_Rajah 2.4\(l\)_K2_Pembelajaran_Penambahbaikan.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB04_PC03_20254_Bukti 4_Rajah 2.4\(m\)_K2_Pembelajaran_Penambahbaikan.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTM Cawangan Perlis (UiTMPs) telah merangka pendekatan strategik yang menyeluruh dan berfokus, dengan matlamat utama kepada lima kluster kecemerlangan yang dirangka khusus untuk memperkasa pembangunan modal insan merangkumi staf akademik dan pentadbiran. Pendekatan ini menggabungkan kepimpinan transformasi, pemantauan sistematik, dan sokongan teknologi, bagi memastikan setiap strategi yang dirangka dapat diterjemahkan ke dalam tindakan yang memberi impak sebenar kepada institusi.

Inisiatif Strategik yang Memacu Profesionalisme Staf

Pelaksanaan kluster yang dirangka ini, telah mewujudkan beberapa inisiatif transformasi yang berimpak tinggi dalam mengukuhkan sistem pengurusan dan pembangunan staf:

i. Reka Bentuk Model Transformasi Strategik UiTMPs 2024

Model ini menjadi tunjang utama kepada pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik UiTMPs 2024 dan berfungsi sebagai dokumen panduan bagi memastikan segala perancangan dipacu selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Pendekatan ini dirancang bagi menstruktur semula keutamaan strategik dan meningkatkan keberkesanan pelaksanaan tugas dalam kalangan staf **Rajah 2.5 (a) (Bukti 1)**.

ii. Pembinaan Sistem TEMS (Talent Excellence Management System)

Sistem TEMS yang dibangunkan oleh Unit Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) berperanan sebagai platform pengurusan bakat yang komprehensif. Ia membolehkan pihak pengurusan mengenal pasti prestasi, potensi dan keperluan pembangunan staf secara terperinci, serta membantu dalam menyelaraskan strategi peningkatan kualiti sumber manusia **Rajah 2.5(b) (Bukti 2)**.

iii. Keterlibatan PSTU dalam Mesyuarat Eksekutif Negeri

Dengan kehadiran wakil PSTU dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) turut memperkukuh integrasi strategik apabila maklumat berkaitan status pelaksanaan strategi dan prestasi staf dapat dibentangkan secara terus kepada pihak pengurusan tertinggi. Mekanisme pelaporan ini dapat mempercepatkan penambahbaikan, dan keputusan berkaitan pengurusan sumber manusia **Rajah 2.5 (c) (Bukti 3)**.

iv. Penubuhan Pasukan Tindakan Strategik (Strategic Action Team)

Pasukan ini diketuai oleh Rektor dan disertai oleh pengurus, pengarah serta ahli projek utama bagi memastikan setiap inisiatif strategik yang dirancang dilaksanakan dengan efisien. Selain menyelaras pelaksanaan Pelan Perancangan Strategik, pasukan ini turut berperanan memantau pencapaian indikator prestasi yang berkaitan dengan pembangunan staf **Rajah 2.5 (d) (Bukti 4)**.

Melalui rangka kerja yang tersusun ini, UiTMPs telah mengorak langkah progresif dalam merancang, melaksana, dan menilai pembangunan staf secara bersepadu, sekali gus membentuk satu ekosistem kerja yang produktif, telus dan berasaskan prestasi. Langkah ini adalah bukti komitmen institusi untuk melahirkan tenaga kerja kompeten, beretika serta mampu menyumbang secara signifikan kepada pencapaian visi GRU2025 dan meletakkan UiTM pada kedudukan yang disegani di peringkat global.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_P01_PB05_20251_Bukti 1_Rajah 2.5 \(a\) Integrasi.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB05_20252_Bukti 2_Rajah 2.5\(b\) Integrasi.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB05_20253_Bukti 3_Rajah 2.5 \(c\) Integrasi.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB05_20254_Bukti 4_Rajah 2.5 \(d\) Integrasi.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Istilah pelanggan UiTMPs merujuk kepada individu atau pihak yang terlibat secara langsung serta memainkan peranan penting dalam Pengurusan dan Pembangunan Staf di UiTMPs. Untuk memastikan agenda tumpuan pelanggan dapat melahirkan satu ekosistem yang holistik dan kondusif, perancangan UiTMPs diselaraskan dengan **Pelan Strategik UiTM 2024** yang memberi penekanan agresif demi memacu universiti ke taraf global sesuai dengan aspirasi UiTMPs menuju “**Globally Renowned University**”.

Bahagian ini membincangkan tumpuan kepada pelanggan di UiTMPs, merangkumi pelbagai aspek pengurusan dan pembangunan staf. Dalam aspek pendekatan komprehensif, pihak pengurusan kanan UiTMPs mewujudkan empat kelompok pelanggan yang dicerakin berdasarkan Manual Kualiti UiTMPs iaitu **Pelanggan Dalaman** (staf akademik dan bukan akademik), **Pelanggan Proses** (pelajar), **Pelanggan Misi** dan **Pelanggan Luar** (ibubapa, Kementerian Pengajian Tinggi serta rakan universiti, industri, agensi kerajaan dan masyarakat (termasuk alumni). UiTMPs melaksanakan program penghargaan untuk meningkatkan interaksi dengan pelanggan dan mengumpul maklum balas untuk menilai keberkesanan inisiatif. UiTMPs menggunakan **model PDCA** untuk mengenal pasti dan mengurus risiko yang berkaitan dengan pengoperasian dan maklum balas pelanggan. **Bengkel Pengurusan Risiko** diadakan untuk melestarikan hubungan dengan pelanggan, dengan maklum balas diproses secara efisien untuk meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan.

UiTMPs telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kepuasan staf, yang mana telah terbukti berkesan dalam meningkatkan **Index Kegembiraan Staf**. Justeru itu, strategi UiTMPs yang berfokus kepada penghargaan, pembangunan staf dan persekitaran kerja yang kondusif telah berjaya meningkatkan kepuasan dan motivasi staf, yang tercermin melalui **peningkatan Indeks Kegembiraan Staf UHI6 tahun 2024**. UiTMPs telah mencapai kejayaan yang signifikan dengan meraih **penarafan 5 bintang dalam pencapaian Petunjuk Prestasi (PI)** pada tahun lalu, dengan mencatatkan 84.6% bagi 75 petunjuk yang ditetapkan oleh pihak induk. Pencapaian ini mencerminkan komitmen UiTMPs dalam melestarikan hubungan dengan pelanggannya hingga ke tahap cemerlang.

Integrasi dalam tumpuan kepada pelanggan boleh dilihat di mana Unit Korporat UiTMPs telah membuat inovasi pendigitalan dalam pengurusan aduan dengan mewujudkan **SALURAN ADUAN SETEMPAT** yang berfungsi sebagai one-stop-centre merangkumi eADUAN Umum, eADUAN Fasiliti dan eADUAN ICT yang boleh dicapai dengan mengimbas **kod QR** atau pautan yang disediakan dan disebarkan kepada pelanggan dalaman dan luaran UiTMPs. Selain itu, melalui kemampanan perhubungan pelanggan, UiTMPs memastikan semua petunjuk prestasi yang disasarkan tercapai dengan optimum. Kejayaan UiTMPs memperolehi **tempat Pertama Anugerah Transformasi Kemerlangan Ketampakan (AKPU 2024)** dan kejayaan penyelidik UiTMPs membantu komuniti setempat memperolehi **Geran Sejahtera Madani berjumlah RM1,035,320.00** membuktikan keberkesanan Pengurusan dan Pembangunan staf yang holistik dan humanistik, serta komited untuk membangunkan potensi staf sebagai aset penting bagi kejayaan jangka pendek dan jangka panjang universiti.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Piagam Pelanggan UiTMPs menjadi prinsip asas bagi merangka pendekatan secara komprehensif dalam bidang tumpuan (BT) pengurusan dan pembangunan staf. Pendekatan ini selari dengan tema "**Strategising towards GRU2025: Dream Big, Go Beyond**" dan **Pelan Tindakan Strategik UiTMPs 2024** yang menggariskan lima teras utama, serta menumpukan kepada empat kelompok pelanggan yang dicerakin bersumberkan **Manual Kualiti UiTMPs (Bukti 1)**.

Keterlibatan dan sinergi semua entiti dalam setiap inisiatif strategik merupakan kunci pencapaian PI dan KPI kampus seperti berikut:

(i) Pelanggan Dalaman

UiTMPs mengiktiraf staf (akademik dan bukan akademik) sebagai aset terpenting dalam memacu kecemerlangan institusi, seterusnya menjayakan agenda BT. Staf akademik memikul peranan multi-dimensi melangkaui tugas sebagai pendidik dan pakar rujuk, manakala staf bukan akademik terdiri daripada kumpulan pengurusan, profesional dan pelaksana yang beroperasi di bawah empat PTJ utama iaitu Pejabat Rektor, BHEA, BHEP dan PJIM&A. Sebagai tonggak yang mengatur gerak kerja dan melaksanakan program-program di bawah teras perancangan strategik (PS) UiTMPs, koordinasi antara Pelanggan Dalaman ini turut menyumbang kepada pembangunan profesional masing-masing. Pendekatan meliputi:

- **Pembangunan Profesional:** Inisiatif seperti **Empowering Your Writing Skills, Vibrant Conferences**, dan **Pemantapan Geran Penyelidikan**.
- **Kesejahteraan dan Kemajuan Kerjaya:** Pelaksanaan **Pelan Bakat** berteraskan nilai **ESI** dan **i-DART**, dengan peruntukan latihan sebanyak **RM12,308** diluluskan pada **tahun 2024**.
- **Inovasi Pengurusan:** '**IoT Base Power Failure Detector**' (pemenang Anugerah KIK Berpotensi dan Penarafan Emas), **Cengal Hall Self-Service Entrance**, sistem **UiTM Talent Excellence Management System (TEMS)**, **eMesyuarat** dan **FineProcurement Plus (EP Plus) 2.0** bagi meningkatkan kecekapan operasi (**Bukti 2**).

(ii) Pelanggan Proses

Pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian di UiTMPs semestinya menjadi fokus utama dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP). UiTMPs mengambil pendekatan secara proaktif dalam menghasilkan graduan yang kompeten dan berdaya saing melalui program berorientasikan kehendak pasaran seperti:

- **Pioneering Entrepreneur: Shaping the Future**
- **HEPpiness Fiesta 2024 (Bukti 3)**.

(iii) Pelanggan Misi dan (iv) Pelanggan Luar

Ibubapa, Kementerian Pengajian Tinggi serta rakan universiti, industri, agensi kerajaan dan komuniti (termasuk alumni) berperanan mewujudkan hubungan dua hala yang seimbang serta memperkasakan jaringan antara institusi dan masyarakat.

Kerjasama strategik diperkukuh melalui inisiatif:

- **Pemerkasaan Program Komuniti**
- **Program Jubli Emas UiTMPs (Bukti 4).**

UiTMPs turut menekankan aspek penambahbaikan berterusan berpandukan **model Plan-Do-Check-Act (PDCA)**:

- **Plan:** Perancangan strategik melalui **Pelan Bakat** yang merangkumi semua skim staf dan penajaran dengan **konsep Ihsan** dalam **Malaysia Madani**.
- **Do:** Pelaksanaan pelbagai inisiatif berimpak seperti **Vibrant Conferences** dan **Program Jubli Emas UiTMPs** serta pembangunan projek berinovasi yang menyokong sistem pengurusan kampus.
- **Check:** Pemantauan menggunakan sistem **e-Aduan QR** dan **Borang Aduan Maklumbalas Pelanggan (64% kadar penyelesaian aduan** dicatatkan dalam tempoh **satu hari bekerja)** serta pengukuran kepuasan pelanggan.
- **Act:** Penambahbaikan berterusan menerusi **semakan semula** jumlah sasaran dalam objektif kualiti dan pelaksanaan program latihan secara berkala untuk **menjamin relevansi** terhadap keperluan kompetensi semasa (**Bukti 5**).

Pencapaian dan Impak

- **Peningkatan 2% Indeks Kegembiraan Staf (2024).**
- **Minima 89% kepuasan pelajar** terhadap kemudahan penginapan, kesihatan, dan sukan.
- Pengiktirafan seperti **Pejabat Terbaik** dan **Bilik Pensyarah Terbaik** di bawah program **Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) (Bukti 5)**.

Tuntasnya, kesemua pendekatan ini membuktikan iltizam UiTMPs dalam mewujudkan ekosistem tadbir urus yang ampuh, berinovasi, dan berpaksikan kepuasan pelanggan, selaras dengan **aspirasi GRU2025**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_T01_TB02_20251_Bukti 1 Kriteria 3.2.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB02_20252_Bukti 2 Kriteria 3.2.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB02_20253_Bukti 3 Kriteria 3.2.pdf](#)
4. [K0033_T01_TB02_20254_Bukti 4 Kriteria 3.2.pdf](#)
5. [K0033_T01_TB02_20255_Bukti 5 Kriteria 3.2.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan, penyimpanan dan pengenalpastian data staf UiTMPs yang merupakan pelanggan bidang tumpuan (BT) digarap secara konsisten dan sistematik bagi memastikan proses penjejakan dan penilaian maklumat/ maklum balas dapat dibuat dengan tepat, pantas dan efisien. Platform-platform utama UiTM termasuk Portal i-Staf, HR2U, PRIME dan iRMIs merupakan kaedah konvensional yang digunakan dalam pengenalpastian data, manakala sistem **UiTM Talent Excellence Management System (TEMS)** adalah kaedah inovatif yang telah dibangunkan oleh UiTMPs, khususnya bagi memantau pencapaian PI dan KPI kampus secara lebih intensif. TEMS terbukti melancarkan proses **pengumpulan maklumat terperinci staf berdasarkan lima kategori kecemerlangan bakat (Bukti 1)**.

Pelbagai program berimpak telah dijayakan sepanjang tahun 2024 dengan berpaksikan kepada **Pelan Tindakan Strategik UiTMPs**, bukan sahaja untuk memastikan kesemua **75 PI** dapat dicapai, bahkan menjadi **hab perluasan agenda BT**. Setiap program dilaksanakan di bawah kendalian **11 pemilik PI** (terdiri daripada Bahagian/ Unit tertentu) yang bertindak **sebagai Pengurus Projek** bagi inisiatif strategik yang dipetakan mengikut teras masing-masing (**Bukti 2**).

Staf akademik dan staf pentadbiran UiTMPs mengambil bahagian secara aktif dalam libat urus setiap perancangan dan implementasi program-program di bawah inisiatif strategik. Jawatankuasa kerja dibentuk bagi memastikan perancangan dibuat secara terperinci sebelum pelaksanaan sesuatu program. Sebagai contoh, program **Gala 50 Tahun UiTMPs Sempena Sambutan Jubli Emas** yang dianjurkan secara gilang-gemilang oleh **Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)**, **PJI** telah menjadi platform perluasan yang menyatukan **lebih 260 peserta** terdiri daripada warga UiTMPs (staf akademik, pentadbiran dan pelajar), alumni dan industri dari seluruh Malaysia. Selain itu, **Karnival Kerjaya dan Perhubungan Industri (CaIREx) 2024@MYFutureJobs** bersempena **Program HEPpiness Fiesta** yang dikelola oleh **Unit Kerjaya dan Kaunseling** dengan kerjasama **BHEP** telah berjaya menarik **penyertaan 15 agensi kerajaan dan swasta** pelbagai industri, untuk mengadakan program temuduga terbuka dan pameran kerjaya kepada pelajar serta komuniti sekitar negeri Perlis dan Kedah.

Menerusi inisiatif **Vibrant Conferences**, penganjuran beberapa konferensi akademik seperti **Konferensi Sains, Etika dan Peradaban (KonSEP) 2024** oleh **Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)**, UiTMPs dan **International Science and Technology Colloquium (i-COSTECH) 2024** oleh **Fakulti Sains Gunaan**, UiTMPs telah menjadi medium kepada para pensyarah, pelajar dan pakar penyelidik industri untuk membentangkan hasil penyelidikan serta mencambah jaringan kolaborasi di peringkat nasional dan antarabangsa (**Bukti 3**).

(i) Perluasan di Peringkat UiTMPs

Pelbagai mekanisme telah digunakan untuk memastikan segala informasi serta aduan/ maklum balas berkaitan BT disebarluaskan kepada pelanggan. Di peringkat kampus, hebahan dibuat melalui **emel kepada warga UiTMPs**, di samping perjumpaan secara bersemuka seperti **Mesyuarat Kakitangan Akademik (MKA)**, **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) Negeri** dan **Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JJN)**. Elemen penambahbaikan berterusan turut dilaksanakan menerusi **Borang Penilaian Latihan** serta sistem **e-Aduan**, **Borang AMP**, **platform elektronik** dan **media sosial**, di mana hasil analisa telah dibentangkan dalam **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** (**Bukti 4**).

(ii) Perluasan di Peringkat Komuniti dan Global

Skop perluasan pelaksanaan juga mencakupi komuniti tempatan dan antarabangsa. Selain menerusi **platform media sosial rasmi** dan **laman sesawang**, maklumat hebahan atau aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh UiTMPs juga boleh diperolehi daripada bahan penerbitan seperti dokumen **BluePrint Pelan Pembangunan UiTMPs 2024-2034**, **Buletin PJI** serta artikel majalah seperti **Dewan Masyarakat** dan **Dewan Kosmik (Bukti 5)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_T01_TB03_20251_Bukti 1 Kriteria 3.3.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB03_20252_Bukti 2 Kriteria 3.3.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB03_20253_Bukti 3 Kriteria 3.3.pdf](#)
4. [K0033_T01_TB03_20254_Bukti 4 Kriteria 3.3.pdf](#)
5. [K0033_T01_TB03_20255_Bukti 5 Kriteria 3.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMPs amat menghargai komitmen dan sinergi antara pelanggan dalaman dan luaran.

Dalam usaha ini, pelbagai inisiatif pemantauan telah dilaksanakan dengan baik untuk memenuhi keperluan pelanggan. Dari sudut penyelidikan, UiTMPs melalui bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) sentiasa memantau penglibatan para pensyarah dalam bidang penyelidikan. Berbeza dengan kampus lain, koordinator bahagian penyelidikan dan inovasi di UiTMPs dipecahkan kepada 3 iaitu koordinator penyelidikan, koordinator penerbitan dan koordinator inovasi (Bukti 1) dan pendekatan ini dapat membantu proses kecemerlangan bidang penyelidikan. Setiap koordinator akan sentiasa membuat analisa tahap pencapaian para pensyarah dan dibentangkan didalam **mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN)** dimana ianya disertai oleh semua Ketua Pusat Pengajian dan barisan eksekutif kampus (**Bukti 1**). Pihak UiTMPs juga membuat perjumpaan khas bersama pihak pensyarah PhD bagi membincangkan kemajuan penyelidikan di kampus (**Bukti 1**).

Dari sudut pengajaran dan pembelajaran (PnP), pihak UiTMPs melalui Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) sentiasa memantau dan proaktif dalam memastikan kelancaran proses PnP. **Pemantauan bilik-bilik kuliah** sentiasa dilakukan sebelum sesi kuliah bermula dan pihak HEA mengambil inisiatif menubuhkan Kumpulan whatsapp yang disertai oleh wakil setiap fakulti bagi memudahkan pemantauan kerosakan didalam bilik kuliah sehingga boleh menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran (**Bukti 2**) selain melaporkan kerosakan tersebut melalui **sistem e-aduan Fasiliti**. Pihak HEA UiTMPs juga sering berhubung rapat dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi mendapatkan makluma balas berkaitan dengan permasalahan PnP. melalui mesyuarat bersama, pihak pentadbir dalam memantau dan meningkatkan kualiti PnP dikalangan pensyarah (**Bukti 3**). Pihak UiTM Perlis juga sentiasa **menggalakan setiap fakulti bekerjasama dengan alumni dan pihak industri** dimana kedua-dua pihak ini dapat membantu memberi input yang berharga dalam pembangunan kurikulum universiti, memastikan bahawa program-program yang ditawarkan relevan dengan keperluan pasaran kerja. Selain itu, pihak HEA jua amat **menggalakan program perkongsian ilmu dari pihak alumni atau indsutri dengan pihak fakulti** kerana program seperti ini dapat membantu pensyarah menilai atau menambah baik silibus subjek (**Bukti 4**) . Audit dalaman yang dilakukan dibawah Unit kualiti juga memainkan peranan penting dalam pemantauan staf UiTMPs. Ianya meliputi skop tugas staf ,beban kerja staf dan prosedur kerja. Ianya penting bagi memastikan setiap staf UiTMPs dapat bekerja dengan lebih baik dan cemerlang (**Bukti 5**)

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_T01_TB04_TC01_20251_Bukti 1.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB04_TC01_20252_Bukti 2.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB04_TC01_20253_Bukti 3.pdf](#)
4. [K0033_T01_TB04_TC01_20254_Bukti 4.pdf](#)
5. [K0033_T01_TB04_TC01_20255_Bukti 5.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMPs, sebagai sebuah institusi pendidikan yang berwibawa, **sentiasa komited dalam mengenal pasti dan menguruskan risiko** yang berpotensi mengganggu operasi serta kesejahteraan staf, termasuk staf akademik, pentadbiran, dan sokongan. Langkah-langkah proaktif termasuk melakukan kajian penyelidikan, simulasi, dan latihan berkala untuk staf bagi mempersiapkan mereka dalam menghadapi pelbagai situasi yang berisiko (**Bukti 1**). Secara keseluruhannya, UiTMPs melibatkan pelbagai saluran seperti unit pengurusan risiko, audit dalaman, dan pengurusan aduan serta maklum balas pelanggan, UiTMPs **memastikan bahawa semua risiko dikenalpasti, dinilai, dan ditangani dengan baik.**

Unit Pengurusan Risiko di UiTMPs bertanggungjawab untuk menjalankan penilaian risiko secara menyeluruh di seluruh organisasi. Di awal tahun, setiap bahagian dan unit di UiTMPs diminta untuk mengenalpasti risiko dan menyatakan risiko tersebut menggunakan borang daftar risiko yang disediakan oleh unit risiko (**Bukti 2**). Semua risiko yang telah dikenal pasti akan dibincangkan melalui **Mesyuarat Pemilik Risiko (MPR)** untuk mengenalpasti aras risiko sebelum didaftarkan melalui **Sistem Pengurusan Risiko Elektronik (Bukti 2)**. MPK akan dijalankan secara berkala iaitu 3 kali setahun pada bulan Februari, Julai dan November (**Bukti 2**) bagi membincangkan penyelesaian atau penambahbaikan yang telah dibuat oleh setiap PTJ (**Bukti 2**).

Pihak PTJ juga mengenalpasti risiko melalui aduan-aduan yang dibuat oleh staf UiTM Perlis melalui 3 saluran aduan (**Bukti 3**) iaitu Aduan Umum, e-Aduan ICT dan e-Aduan ICT-Fasiliti. Aduan Umum dikendalikan oleh koordinator yang dilantik dimana koordinator tersebut akan mengenalpasti dan menganalisa aduan yang dibuat secara rasmi atau tidak rasmi melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Media sosial rasmi PTJ, email atau whatsapp, surat khabar, borang maklum balas pelanggan (**Bukti 3**), **sistem e-Aduan** atau hadir di kaunter. Aduan ini akan dianalisa dan perbincangan awal akan dibuat bersama dengan ketua PTJ (Rektor) sebelum di maklumkan kepada PTJ yang terlibat. Bagi aduan ICT dan Fasiliti pula, ianya akan dikendalikan oleh **Bahagian Infostruktur dan Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (Bukti 4)**. Aduan yang diterima dari tiga saluran ini akan dianalisa untuk diambil tindakan dan dibentangkan dalam **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**. Audit dalaman juga sentiasa dijalankan secara berkala oleh unit audit dalaman untuk mengenalpasti risiko yang dihadapi oleh setiap PTJ UiTM Perlis (**Bukti 5**). Hasil laporan ini juga akan dibentangkan dalam MKSP bagi tujuan penambahbaikan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_T01_TB04_TC02_20251_Bukti 1.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB04_TC02_20252_Bukti 2.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB04_TC02_20253_Bukti 3.pdf](#)
4. [K0033_T01_TB04_TC02_20254_Bukti 4.pdf](#)
5. [K0033_T01_TB04_TC02_20255_Bukti 5.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMPs telah mengambil langkah proaktif dalam mengkaji semula keberkesanan pengurusan PTJ di peringkat kampus dan mengambil tindakan yang bersesuaian untuk penambahbaikan. **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** yang diadakan 2 kali setahun merupakan medium utama digunakan untuk memantau, mengkaji dan melaksanakan tindakan penambahbaikan bagi setiap bahagian di UiTM Perlis (**Bukti 1**). Melalui mesyuarat ini, setiap bahagian dapat mengkaji semula dan membuat penambahbaikan yang sewajarnya. Sebagai contoh, bahagian Penyelidikan, Jaringan dan Inovasi (PJI) sentiasa memantau tahap penyelidikan dikalangan pensyarah. Tahap pencapaian pensyarah mengikut fakulti samada penerbitan dan perolehan geran penyelidikan akan sentiasa dipantau dan dianalisa oleh pihak PJI. Hasil dapatan akan dibentangkan diperingkat mesyuarat **Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN)** yang diadakan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun (**Bukti 2**). Antara tindakan yang proaktif yang diambil PJI adalah membuat analisa penerbitan bagi setiap pensyarah UiTM Perlis bagi mendapatkan gambaran sebenar tahap pencapaian pensyarah dan dibentangkan. Hasil tindakan ini, pihak PJI telah menambah baik program-program dibawah unit penerbitan dan lebih bersasar mengikut keperluan pensyarah (**Bukti 3**). Unit pengurusan penyelidikan juga sentiasa mengenalpasti kelemahan-kelemahan dalam perancangan sedia ada dalam meningkatkan perolehan geran dikalangan pensyarah. Antaranya ialah, hasil kajian semula mendapati pensyarah kurang memohon geran penyelidikan kerana kurang pengalaman dalam penulisan geran terutama pensyarah baru. Bagi mengatasi masalah ini, salah satu penambahbaikan yang dibuat ialah mengadakan bengkel-bengkel yang bersesuaian dan lebih bersasar. Sebagai contoh, bengkel penulisan geran yang mensasarkan pensyarah baru dan tiada pengalaman (**Bukti 4**). Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan memerlukan fasiliti yang baik. Justru itu, **pihak Hal Ehwal Akademik (HEA) amat menitikberatkan aspek keselesaan dan fasiliti** seperti makmal, kelas dan lain-lain lagi. Antara penambahbaikan yang telah dibuat bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lebih lancar ialah adalah membuat penggantian projektor di kelas dan makmal .

Pihak UiTM Perlis juga telah menganjurkan **Bengkel Pengurusan Risiko** pada tahun 2024 (**Bukti 5**). Tujuan utama bengkel ini adalah untuk memastikan UiTMPs dapat **melestarikan hubungan dengan pelanggannya**, terutama staf dan pelajar. Semua maklum balas yang diterima melalui bengkel ini diproses dan diselesaikan dengan kadar segera. Ini menunjukkan komitmen UiTMPs dalam menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh pelanggan secara cekap dan berkesan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_T01_TB04_TC03_20251_Bukti 1.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB04_TC03_20252_Bukti 2.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB04_TC03_20253_Bukti 3.pdf](#)
4. [K0033_T01_TB04_TC03_20254_Bukti 4.pdf](#)
5. [K0033_T01_TB04_TC03_20255_Bukti 5.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kejayaan UiTMPs dalam mengekalkan kredibilitinya dalam melestarikan hubungan dengan pelanggan dapat dilihat melalui peningkatan **Index Kegembiraan Staf pada tahun 2024 (UHI6.0)** berbanding UHI tahun sebelumnya 2023 (UHI5.0), seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.5.1 (**Bukti 1**). Penerapan budaya berteraskan tumpuan pelanggan secara holistik dan humanistik telah memberi sumbangan besar kepada pengurusan dan pembangunan staf yang cekap dan mampan. Amalan mengutamakan keperluan dan maklum balas pelanggan, UiTMPs telah menciptakan persekitaran kerja yang lebih positif dan produktif. Budaya ini tidak hanya meningkatkan kepuasan staf, tetapi juga memperkukuh komitmen mereka terhadap organisasi. Staf yang gembira cenderung untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, yang seterusnya meningkatkan reputasi dan kredibiliti UiTMPs di kalangan masyarakat.

UiTMPs telah mencapai kejayaan yang signifikan dengan meraih **penarafan 5 bintang dalam pencapaian Petunjuk Prestasi (PI)** pada tahun lalu, dengan mencatatkan 84.6% bagi 75 petunjuk yang ditetapkan oleh pihak induk (**Rajah 3.5.2; Bukti 2**). Pencapaian ini mencerminkan komitmen UiTMPs dalam melestarikan hubungan dengan pelanggannya hingga ke tahap cemerlang. Melalui kemampuan perhubungan pelanggan, UiTMPs memastikan semua petunjuk prestasi yang disasarkan tercapai dengan optimum. Ironinya UiTMPs berjaya memperolehi **tempat Pertama Anugerah Transformasi Kecemerlangan Ketampakan (AKPU 2024)**, membuktikan kecemerlangan UiTMPs dalam memastikan ketampakan UiTMPs di kalangan pelanggan dalaman dan juga luaran (**Rajah 3.5.3; Bukti 2**).

Hasil dari pemantauan dan kajian semula terhadap pengurusan pelanggan, UiTMPs telah membuat inovasi pendigitalan dalam pengurusan aduan dengan mewujudkan **SALURAN ADUAN SETEMPAT** yang berfungsi sebagai one-stop-centre. **SALURAN ADUAN SETEMPAT** ini merangkumi eADUAN Umum, eADUAN Fasilitas dan eADUAN ICT boleh dicapai dengan mengimbas **kod QR** atau pautan yang disediakan dan disebarkan kepada pelanggan dalaman dan luaran UiTMPs. secara fizikal di setiap pintu masuk pejabat-pejabat utama dan secara maya di laman sesawang rasmi dan media sosial rasmi UiTMPs. Penggunaan kod QR bagi mendapatkan aduan maklumbalas dari pelanggan amat berkesan bagi memudahkan akses kepada pelanggan bagi membuat aduan. (**Bukti 3**).

Amalan mengutamakan keperluan dan maklum balas pelanggan bagi memastikan setiap aduan diambilkira dalam penambahbaikan pengurusan UiTMPs dapat dibuktikan melalui **hasil Laporan Analisa Aduan Pelanggan** yang dibentangkan dalam **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**. Berdasarkan Laporan Analisa Aduan Pelanggan pada tempoh 6 bulan pertama Januari - Jun 2024 (rujuk Bukti 4), sebanyak 37 aduan telah diterima dan kesemuanya telah berjaya diselesaikan dalam tempoh 14 hari. dalam tempoh Julai - Disember 2024 pula, sebanyak 21 aduan telah diselesaikan dalam tempoh 14 hari (**Bukti 4**). Penyelesaian pantas aduan maklumbalas pelanggan ini membuktikan integrasi pembudayaan pihak pengurusan UiTMPs dalam pengurusan pelanggan telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlang.

Integrasi pembudayaan pengurusan UiTMPs khususnya pihak ICAN UiTMPs kepada pelanggan luar terutamanya komuniti setempat telah berjaya memperolehi **Geran SEJAHTERA MADANI** di mana seramai 9 orang penyelidik UiTM Cawangan Perlis telah berjaya membantu 11 komuniti kampung di negeri Perlis dengan jumlah keseluruhan **pembiayaan mencecah RM1,035,320.00**, sekaligus menjadi antara pencapaian tertinggi sumbangan luar bagi projek komuniti tahun 2024 (**Bukti 5**). Sumbangan ini membuktikan bahawa pihak Pengurusan UiTMPs bukan sahaja menumpukan kepada pelanggan semata-mata malah turut mensasarkan pelanggan luar sebagai medan bagi peningkatan inovasi dalam pembangunan staf.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_T01_TB05_20251_Bukti 1 Kriteria 3.5.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB05_20252_Bukti 2 Kriteria 3.5.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB05_20253_Bukti 3 Kriteria 3.5.pdf](#)
4. [K0033_T01_TB05_20254_Bukti 4 Kriteria 3.5.pdf](#)
5. [K0033_T01_TB05_20255_Bukti 5 Kriteria 3.5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMPs terus komited dalam memacu kecemerlangan melalui pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan yang strategik, selaras dengan aspirasi menjadi **Globally Renowned University (GRU)** menjelang 2025. Sumber manusia dianggap sebagai aset utama dalam merealisasikan visi ini. Oleh itu, pendekatan pengurusan dan pembangunan staf dilaksanakan secara **menyeluruh, sistematik dan berasaskan data**, merangkumi aspek **perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan berterusan**.

Perancangan bidang tumpuan di UiTMPs digerakkan melalui **Pelan Tindakan Strategik 2024**, dengan menumpukan kepada **kelestarian bakat akademik dan pentadbiran**. Struktur tenaga kerja merangkumi staf akademik yang terdiri daripada pensyarah pelbagai disiplin ilmu, serta staf pentadbiran dan kumpulan sokongan teknikal yang memainkan peranan penting dalam operasi universiti. Pembangunan kerjaya disusun berdasarkan keperluan institusi, potensi individu dan hala tuju universiti. Penetapan **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** staf dan jabatan diselaraskan dengan objektif strategik bagi memperkukuh daya saing di peringkat nasional dan global. Selain itu, **analisis keperluan latihan** dilakukan secara berkala bagi memastikan perancangan sentiasa relevan dan berpandukan kepada perubahan landskap pendidikan tinggi.

Di peringkat **pelaksanaan**, pelbagai inisiatif pembangunan profesional secara **berterusan dan dinamik** telah dilaksanakan. Program latihan meliputi aspek pedagogi, penyelidikan, kepimpinan, teknologi serta kecekapan teknikal yang dijalankan secara formal dan tidak formal. Penilaian prestasi staf akademik disokong oleh sistem seperti **MyATP, UiTM Expert, PROPENS, TESA, Teaching Effectiveness Index (TEX)** dan juga melalui pelbagai **anugerah pengiktirafan**. Manakala staf pentadbiran dinilai melalui **HR2U dan STARS V3**. UiTMPs turut mendorong penglibatan staf dalam **penyelidikan, pertandingan inovasi, penerbitan jurnal** serta **kolaborasi industri** di dalam dan di luar negara sebagai platform bagi pembangunan kapasiti. Elemen **kesejahteraan, motivasi dan persekitaran kerja kondusif** turut diintegrasikan dalam usaha pembangunan bagi melahirkan tenaga kerja berkualiti dan bersemangat tinggi. Sehubungan itu, pelaksanaan pemantauan **UiTM happiness index** turut dilaksanakan di peringkat kampus UiTMPs.

Pemantauan bagi bidang tumpuan dijalankan secara sistematik melalui **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**. Laporan audit, data penilaian prestasi dan pencapaian indikator utama seperti **i-UiTM Skor, PI BTU, PRIME dan MyRA** dijadikan asas dalam menilai pencapaian dan impak sebenar terhadap organisasi. Penilaian berkala **setiap enam bulan** melalui **MyATP** juga dilaksanakan bagi memastikan prestasi individu dinilai secara objektif dan berterusan. Selain itu, dapatan daripada **SUFO dan maklum balas peserta latihan** turut dimanfaatkan untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan serta keperluan penyesuaian program pembangunan yang dijalankan. **Pelaporan telus dan berpandukan bukti** membolehkan **tindakan susulan** dirangka dengan **tepat dan berfokus**.

UiTMPs mengamalkan budaya kerja berasaskan **penambahbaikan berterusan**. Setiap program dinilai dari aspek impak, keberkesanan dan kesesuaian dengan objektif asal. Jurang dan kelemahan yang dikenalpasti ditangani dengan **pelan tindakan khusus dan bersasar**, termasuk **pemantapan modul latihan, pemerkasaan fasilitator dan mentor** di peringkat dalaman serta **penglibatan lebih aktif** pihak berkepentingan. Dapatan penilaian digunakan untuk **memperkasa strategi** pembangunan sedia ada serta merangka pelan pembangunan baharu yang lebih efektif, berinovasi dan selari dengan cabaran semasa pendidikan tinggi.

Gabungan antara **perancangan strategik yang rapi, pelaksanaan berkualiti, pemantauan berasaskan bukti** dan **penambahbaikan yang berterusan** meletakkan UiTMPs pada landasan yang kukuh dalam merealisasikan agenda GRU 2025. Melalui tenaga kerja yang berilmu, berdaya saing dan kompeten, UiTMPs bersedia untuk terus menjadi peneraju

kecemerlangan pendidikan tinggi yang berimpak positif dan lestasi kepada masyarakat dan negara.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMPs mengamalkan pendekatan **sistematik** dan **berasaskan data** dalam pengurusan serta pembangunan staf akademik dan pentadbiran. Strategi ini dilaksanakan melalui pengumpulan data prestasi secara menyeluruh, analisis yang berterusan, serta integrasi pengetahuan dalam pembuatan keputusan strategik dan operasional. Pengukuran dan pengumpulan data prestasi staf dilaksanakan melalui pelbagai **sistem digital rasmi** yang menyokong pemantauan berterusan terhadap pencapaian staf.

Bagi staf akademik, platform **MyATP** menjadi instrumen utama bagi pensyarah merekod aktiviti pengajaran, penyelidikan, penyeliaan, perundingan, dan khidmat komuniti. Keberkesanan pengajaran pensyarah dinilai melalui maklum balas pelajar menerusi sistem seperti **SUFO (Student Feedback Online)**, **PROPENS** dan **TESA**, yang menilai gaya penyampaian, interaksi, dan penyediaan bahan oleh pensyarah. Manakala laporan seperti **TEX (Bukti 1)** merupakan penilaian 360° yang disediakan bagi menunjukkan purata pencapaian keberkesanan pembelajaran setiap pensyarah. Bagi staf pentadbiran dan sokongan, UiTMPs menggunakan sistem **HR2U** dan **STARS V3 (i-Staff Portal)** bagi merekod dan memantau kehadiran staf, membuat penilaian terhadap prestasi tahunan, memantau sejarah Latihan serta menyimpan rekod perkhidmatan staf. Pengumpulan data dan penilaian prestasi keseluruhan fakulti dan pusat tanggungjawab (PTJ) di UiTMPs pula dilaksanakan melalui pengumpulan data **MyRA (Bukti 2)**, pelaksanaan **Audit Dalaman (Bukti 3)** dan juga pengumpulan data **UiTM Happiness Index** yang menjadi indikator penting kepada keberkesanan pengurusan organisasi.

UiTMPs tidak hanya mengumpul data tetapi turut melaksanakan analisis berkala dan menyeluruh untuk mengesan tren, pencapaian serta isu-isu utama dalam pengurusan staf. **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (Bukti 4)** diadakan sebagai platform rasmi untuk menilai prestasi berdasarkan pelaporan dalam sistem. Analisis yang dijalankan termasuk perbandingan skor SUFO antara semester, kadar penyertaan latihan staf berbanding sasaran, kadar penerbitan dan perolehan geran penyelidikan, korelasi antara beban tugas dengan kepuasan pelajar serta analisis perbandingan antara PTJ bagi mengenal pasti prestasi luar jangka atau memerlukan intervensi. Hasil analisis ini dijadikan **asas pembelajaran organisasi**, di mana program pembangunan yang terbukti berkesan diperluas. Contohnya, kejayaan bengkel **Bimbingan Penyelidikan FRGS** dalam meningkatkan kadar **perolehan geran (Bukti 5)** menyebabkan ia dijadikan program latihan berkala.

Pengetahuan yang diperolehi hasil daripada analisis data diintegrasikan dalam perancangan dan pengurusan sumber manusia khususnya bagi melaksanakan **perancangan strategik tahunan**. Hasil analisis digunakan bagi penetapan KPI baharu, sasaran penambahbaikan dan pengukuhan keutamaan strategik fakulti dan PTJ. Begitu juga dengan **pengurusan sumber manusia** di mana **data prestasi** dari MyATP, HR2U dan maklum balas SUFO digunakan bagi urusan pelantikan, kenaikan pangkat, penempatan tugas staf serta penyertaan dalam program pembangunan profesional. Staf yang menunjukkan kecemerlangan dalam pengajaran dan penyelidikan diberi keutamaan untuk penyeliaan projek khas, pencalonan jawatan kepimpinan dan penyertaan dalam anugerah kecemerlangan.

Pendekatan yang diamalkan UiTMPs jelas menekankan **budaya pengurusan berasaskan bukti (evidence-based management)** dan **pembelajaran berterusan berasaskan data**. Melalui sistem pengumpulan dan analisis data yang menyeluruh, UiTMPs mampu bukan sahaja **memantau prestasi staf secara objektif** tetapi juga menjadikan data tersebut sebagai **asas kukuh dalam merancang, melaksana dan menambah baik strategi pembangunan modal insan**. Pendekatan ini sejajar dengan hasrat universiti untuk melahirkan staf yang cemerlang, berdaya saing dan menyokong agenda pendidikan tinggi negara.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_A01_AB02_20251_BUKTI 1_UiTMPs_K4_Pendekatan.pdf](#)

2. [K0033_A01_AB02_20252_BUKTI 2_UiTMPs_K4_Pendekatan.pdf](#)
3. [K0033_A01_AB02_20253_BUKTI 3_UiTMPs_K4_Pendekatan.pdf](#)
4. [K0033_A01_AB02_20254_BUKTI 4_UiTMPs_K4_Pendekatan.pdf](#)
5. [K0033_A01_AB02_20255_BUKTI 5_UiTMPs_K4_Pendekatan.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMPs telah melaksanakan pendekatan pengurusan prestasi staf yang **sistematik dan berasaskan data** melalui proses pengumpulan maklumat, analisis berstruktur, pembelajaran organisasi dan integrasi pengetahuan dalam pembuatan keputusan. Pendekatan ini bukan sahaja dirancang rapi, malah dilaksanakan secara menyeluruh (*deployment*) ke seluruh peringkat organisasi secara **konsisten dan terkawal**. Bagi staf akademik, platform **MyATP** digunakan sebagai sistem utama bagi merekod aktiviti pengajaran, penyelidikan, penyeliaan, perundingan dan khidmat komuniti secara sendiri. Keberkesanan pengajaran pula diukur melalui maklum balas pelajar menggunakan sistem **SUFO, PROPENS dan TESA (Bukti 1)**, yang dinilai secara berpusat **setiap semester**. **Laporan TEX (Bukti 2)** kemudiannya digunakan sebagai instrumen pelaporan prestasi pensyarah yang boleh dibanding antara semester dan antara PTJ.

Bagi staf pentadbiran dan sokongan, perluasan (*deployment*) dilaksanakan melalui penggunaan sistem **HR2U dan STARS V3** yang merekod prestasi kerja tahunan, kehadiran, penglibatan latihan serta sejarah perkhidmatan. Bagi memastikan konsistensi pelaksanaan di semua unit dan jabatan, dokumen **PI BTU (Bukti 3)** diwujudkan sebagai rujukan prosedur rasmi dan wajib dipatuhi oleh semua PTJ. **Unit Kualiti** berperanan sebagai **penyelaras utama** bagi memastikan pematuhan kepada **jadual kemas kini data, keseragaman kaedah, serta ketepatan pelaporan** di seluruh organisasi.

Kekerapan pengumpulan data turut ditetapkan dengan jelas di mana **MyATP dan SUFO** dikemas kini **setiap semester**, **HR2U dan STARS V3** secara **berterusan sepanjang tahun**, manakala **MyRA** dikemaskini dan dilaporkan secara **tahunan**. Bagi memastikan perluasan yang mantap, **Audit Dalaman** dilaksanakan **dua kali setahun** bagi memantau pematuhan terhadap prosedur kerja serta pelaksanaan pengumpulan dan analisis data. Seterusnya memastikan tindakan pembetulan dan penambahbaikan segera dilakukan sekiranya berlaku ketidakpatuhan.

Data yang dikumpul dianalisis dan dilaporkan dalam **Mesuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** yang dilaksanakan **secara berjadual**. Analisis ini merangkumi **penilaian tren skor SUFO, kadar latihan staf, kadar penerbitan dan kelulusan geran, serta perbandingan prestasi antara PTJ (Bukti 4)**. Hasil analisis ini mendorong kepada tindakan susulan berbentuk pembelajaran organisasi. Contohnya, dapatan audit telah mencetuskan pelaksanaan **Bengkel Pemantapan Maklumat Kursus dan Pembangunan Rubrik (Bukti 5)** oleh Bahagian Ha Ehwat Akademik bagi membantu pensyarah menambahbaik penyediaan dokumen pengajaran dan pembelajaran.

Pengetahuan yang diperoleh daripada analisis dan pembelajaran tersebut juga diintegrasikan ke dalam pelbagai keputusan strategik seperti penetapan KPI staf dan jabatan, pemilihan staf untuk kenaikan pangkat, pencalonan anugerah, serta pembentukan Pelan Tindakan Strategik PTJ. **Pendekatan berasaskan data** ini membolehkan UiTMPs melaksanakan pengurusan prestasi staf secara sistematik, terancang dan diperluaskan secara menyeluruh di semua aras organisasi, selari dengan aspirasi menjadi universiti unggul bertaraf global.

Selain itu, UiTMPs turut melaksanakan sesi **libat urus dalaman** bagi memperkukuh kefahaman staf terhadap kepentingan pelaporan data yang berkualiti dan tepat masa. Bengkel **pemantapan pelaksanaan sistem dan sesi taklimat pelaporan** juga dijalankan secara berkala bagi memastikan semua warga universiti dapat melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan efisien. Semua bentuk pelaksanaan ini disemak secara berkala melalui **pemantauan Unit Kualiti**, dan kadar pematuhan oleh PTJ direkod serta dibentang dalam MKSP bagi memastikan keberkesanan dan tindakan pembetulan segera dilaksanakan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_A01_AB03_20251_BUKTI 1_UiTMPs_K4_Perluasan.pdf](#)
2. [K0033_A01_AB03_20252_BUKTI 2_UiTMPs_K4_Perluasan.pdf](#)
3. [K0033_A01_AB03_20253_BUKTI 3_UiTMPs_K4_Perluasan.pdf](#)
4. [K0033_A01_AB03_20254_BUKTI 4_UiTMPs_K4_Perluasan.pdf](#)
5. [K0033_A01_AB03_20255_BUKTI 5_UiTMPs_K4_Perluasan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMPs secara proaktif memperkukuh inisiatif pengurusan dan pembangunan staf melalui pendekatan pemantauan bersepadu yang selaras dengan **Pelan Tindakan Strategik UiTMPs 2024 (Bukti 1)**. Setiap jabatan utama seperti Bahagian Transformasi Universiti (BTU), Hal Ehwal Akademik (HEA), Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A), serta Bahagian Pentadbiran memainkan **peranan kritikal** dalam memastikan **kecemerlangan prestasi staf** sentiasa terpelihara dan ditambah baik secara berterusan.

BTU memacu pemantauan terhadap Petunjuk Prestasi (PI) (**Bukti 2**) staf yang merangkumi **bidang pengajaran, penyelidikan, inovasi dan khidmat komuniti**. Data pencapaian dimuat naik secara berkala ke dalam **Google Sheet rasmi Pejabat Pendaftar** dan dibentangkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** untuk tindakan strategik dan susulan. Inisiatif seperti Program Bual Bicara PI turut dijalankan bagi menilai pencapaian unit secara lebih terperinci. Selain itu, laman sesawang khas BTU dibangunkan sebagai hab pemantauan digital yang mesra pengguna dan responsif.

Dalam bidang penyelidikan dan inovasi, PJIM&A menggunakan **sistem PRIME dan pemantauan berkala geran** bagi menilai keberkesanan penyertaan staf. Program 'Hand Holding' memperkukuh bimbingan kepada penyelidik, manakala UPIK menjalankan pemantauan harta intelek melalui MyIPO. Kejayaan staf diraikan secara berprestij dalam **Majlis Anugerah Semarak Sanjung** sebagai bentuk penghargaan atas inovasi berimpak tinggi. (**Bukti 3**)

Bagi memastikan kualiti pengajaran sentiasa pada tahap terbaik, HEA melaksanakan pemantauan melalui Laman Sesawang INSAN yang disokong oleh **sistem SUFO, TESA dan PROPENS**. Kajian UiTM Happiness Index 5.0 (UHI5.0) (Rujuk Bukti 4) pula menilai **kesejahteraan staf** sebagai indikator keseimbangan kerja dan sokongan organisasi. UiTMPs menyampaikan hasil pemantauan melalui pelbagai medium komunikasi seperti **laman web, e-mel dan mesyuarat rasmi**, sekali gus memastikan semua staf memahami arah tuju prestasi. Pendekatan pemantauan menyeluruh ini bukan sahaja meningkatkan akauntabiliti, malah membolehkan UiTMPs mencapai sasaran PI 2024 dengan penuh kejayaan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_A01_AB04_AC01_20251_BUKTI 1 K4 4.4.1 PEMANTAUAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK 2024 \(1\).pdf](#)
2. [K0033_A01_AB04_AC01_20252_BUKTI 2 K4 4.4.1 PEMANTAUAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI 2024 final.pdf](#)
3. [K0033_A01_AB04_AC01_20253_BUKTI 3 K4 4.4.1 PEMANTAUAN-JKE - ANUGERAH UiTM.docx.pdf](#)
4. [K0033_A01_AB04_AC01_20254_BUKTI 4 K4 4.4.1 PEMANTAUAN heppiness index 2024.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMPs melaksanakan pengurusan risiko secara sistematik dan proaktif sebagai sebahagian daripada **usaha memperkukuh tadbir urus dan kawalan dalaman institusi**. Bagi memastikan pengenalpastian risiko dilaksanakan secara berfokus dan menyeluruh, institusi telah melantik seorang **Penyelaras Risiko** yang dibantu oleh **Jawatankuasa Pemilik Risiko** di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pasukan ini secara konsisten mengenal pasti, mendaftar dan melaksanakan **tindakan mitigasi terhadap risiko yang berpotensi** menjejaskan pengurusan dan pembangunan staf.

Semua risiko yang dikenal pasti dibentang dan disahkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko** sebelum dimasukkan ke dalam Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) (**Bukti 1**). Proses ini membolehkan **pemantauan dan analisis risiko** dilaksanakan secara berkala mengikut prosedur pengoperasian pengurusan risiko UiTM. Sepanjang tahun 2024, pelbagai isu kritikal berjaya dikenal pasti dan ditangani dengan berkesan, termasuk **pengurusan belanjawan, aset, rekod, ICT, pelan penggantian staf, fasiliti, waran perjawatan dan jumlah jam latihan staf** (**Bukti 1**).

Bahagian Pentadbiran turut memainkan peranan penting dengan memantau pematuhan staf terhadap **keperluan latihan minimum tahunan sebanyak 42 jam** (**Bukti 2**). Unit Komunikasi Korporat pula menyelaraskan **sistem pengurusan aduan secara telus dan efisien** (**Bukti 3**). Hasilnya, sebanyak **31% aduan berjaya diselesaikan** dalam masa **satu hari**, manakala **69% lagi ditangani dalam tempoh dua hingga tujuh hari** (**Bukti 2**).

Di samping itu, Unit Pengurusan Risiko mendapat sokongan aktif daripada Unit Audit Dalam melalui **pemantauan pematuhan** terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) secara berkala sepanjang tahun 2024 (**Bukti 3**). Jawatankuasa Audit Dalam telah **mengetahui pasti kelemahan pelaksanaan** dan mencadangkan **penambahbaikan** bagi mengelakkan kemudaratan pengurusan UiTMPs.

Kerjasama strategik antara semua pihak di UiTMPs telah menjadikan amalan pengurusan risiko sebagai **satu budaya kerja berasaskan bukti dan pencegahan**. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pentadbiran, tetapi turut **memperkukuh keyakinan warga kerja** terhadap keupayaan organisasi mengurus cabaran secara berhemah dan berwawasan. UiTMPs komited untuk terus menambah baik pendekatan ini demi **menjamin kelestarian** pengurusan dan pembangunan staf yang unggul.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_A01_AB04_AC02_20251_BUKTI 1_K4_4.4.2 KENAL PASTI RISIKO_Laporan eRMS_2024.pdf](#)
2. [K0033_A01_AB04_AC02_20252_BUKTI 2_K4_4.4.2 KENAL PASTI RISIKO_PENTADBIRAN_Laporan Risiko_2024 \(1\).pdf](#)
3. [K0033_A01_AB04_AC02_20253_BUKTI 3_K4_4.4.2 KENAL PASTI RISIKO_LAPORAN ADUAN JAN - JUN 2024_SCAN.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Semakan semula tindakan di UiTMPs bukan sekadar pelaporan prestasi, tetapi satu ekosistem yang memperkukuh budaya *evidence-based management* dan inovasi yang berterusan. Ia memacu UiTMPs ke arah tadbir urus yang lebih strategik, responsif dan mampan dalam membangunkan modal insan yang berkualiti tinggi dan bersedia menyokong agenda pendidikan negara. Terdapat tiga kaedah utama (**Bukti 1**) yang diamalkan iaitu melalui pelaksanaan **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**, **analisis statistik latihan staf dan pelaksanaan** dan **penilaian projek inovasi di peringkat operasi**.

Melalui pelaksanaan **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) Bil. 2/2024 (Bukti 2)**, UiTMPs telah menilai secara menyeluruh pencapaian terhadap 15 Objektif Kualiti dalam Rangka Tindakan Strategik 2021–2025. Laporan tersebut menunjukkan bahawa Objektif Kualiti 14, berkaitan penganjuran kursus ICT yang mampu untuk **memberi nilai tambah dalam pengendalian tugas harian staf dan manambahbaik produktiviti tugas**, masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Sebagai tindakan susulan, UiTMPs menetapkan tarikh pelaksanaan kursus secara lebih strategik agar impaknya terus menyumbang kepada produktiviti harian staf melalui **peningkatan kompetensi digital**. Antara latihan yang dikendalikan ialah *Knowledge Sharing* – eMesyuarat sistem, Asas Keselamatan ICT dan Penggunaan Sistem OA (**Bukti 1**) yang secara amnya dapat menghasilkan produktiviti yang lebih proaktif.

Pendekatan responsif ini turut disokong oleh tindakan menyeluruh UiTMPs dalam **menganalisis dan mengoptimalkan kehadiran staf ke latihan tahunan**. Berdasarkan laporan statistik (**Bukti 3**), **peningkatan ketaratahan** direkodkan iaitu 86% staf memenuhi keperluan 42 jam latihan pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya. Program-program seperti Sesi Santai Ilmu Siri 2/2024 dan *Team-Building* UiTMPs (**bukti 4**) bukan sahaja **memenuhi syarat latihan**, malah **membina semangat kolaborasi dan kesepaduan antara staf**.

Inovasi penambahbaikan sistem operasi (**bukti 1**) juga terus menjadi fokus UiTMPs. Projek *Cengal Hall Self-Service Entrance* (**bukti 5**) oleh PTJ HEA membuktikan **keberkesanan pendekatan semakan semula** melalui pelaksanaan **solusi teknologi**. Inisiatif ini bukan sahaja **meningkatkan keberkesanan fasiliti**, malah **menjimatkan kos tuntutan kerja lebih masa** sekaligus **mencerminkan kecemerlangan operasi dan pemerkasaan fungsi staf** dalam konteks pengurusan fasiliti.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_A01_AB04_AC03_20251_BUKTI 1.pdf](#)
2. [K0033_A01_AB04_AC03_20252_BUKTI 2 Minit Mesyuarat MKSP Bil. 2.2024.pdf](#)
3. [K0033_A01_AB04_AC03_20253_BUKTI 3 PELAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI DAN TINDAKAN SEMAKAN.pdf](#)
4. [K0033_A01_AB04_AC03_20254_BUKTI 4.pdf](#)
5. [K0033_A01_AB04_AC03_20255_BUKTI 5 LAPORAN UNIT KUALITI DAN AKREDITASI.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMPs sentiasa komited dalam memastikan program di bawah bidang tumpuan adalah **berteraskan budaya penambahbaikan berterusan yang bersifat strategik dan mampan**. Asas kepada kecemerlangan akademik dan pentadbiran organisasi UiTMPs terletak kepada keupayaan UiTMPs menganalisis prestasi, mengintegrasikan pengetahuan dan mengurusnya dengan efektif (**bukti 1**). Pendekatan ini dapat dilihat dengan jelas melalui pelaksanaan dan pemantauan **15 Objektif Kualiti (bukti 2)** pada tahun 2024.

Daripada 15 Objektif Kualiti tersebut, **13 telah berjaya dicapai sepenuhnya**, manakala dua masih berada dalam tindakan penambahbaikan. Hasil analisis data yang diperolehi, pihak UiTMPs telah melaksanakan beberapa **langkah strategik dan proaktif bagi menangani jurang prestasi** tersebut. Sebagai contoh, bagi Objektif Kualiti 6 (**bukti 2, m/s 7**) yang melibatkan peratusan pelajar Graduates on Time (GOT), Unit Kualiti telah merekodkan dapatan ke dalam log KUKA, manakala Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) pula telah diarahkan untuk melaksanakan tindakan pembetulan yang sewajarnya. Keupayaan untuk meneliti pencapaian secara menyeluruh ini membuktikan **wujudnya integrasi kukuh antara data prestasi, pelaporan berkala dan tindakan susulan** yang berfokuskan kepada hasil.

Selain itu, kejayaan dalam mencapai Objektif Kualiti 15 iaitu pembangunan sekurang-kurangnya satu sistem/aplikasi setahun telah menunjukkan **keberkesanan dalam pengintegrasian penguasaan teknologi oleh staf (bukti 2, m/s 14)**. Antara sistem yang telah diperkenalkan termasuklah sistem **eMesyuarat, FineProcurement Plus (EP Plus) 2.0 dan Cengal Hall Self-Service Entrance**. Usaha ini bukan sahaja **menambah baik proses kerja pentadbiran**, malah **mewujudkan budaya kerja digital yang lebih sistematik dan responsif terhadap keperluan semasa**. Paling signifikan, inisiatif ini membuktikan bahawa **staf UiTMPs bukan sahaja berdaya saing dari segi teknikal, bahkan mempunyai pemikiran kritis dan inovatif**.

Dalam aspek pembangunan profesionalisme, UiTMPs turut **berjaya mengintegrasikan pembelajaran formal dan tidak formal (bukti 1)** melalui pelbagai bentuk latihan, perkongsian ilmu, dan aktiviti pengukuhan pasukan. Program Team-Building yang dianjurkan oleh Bahagian Pentadbiran dengan kerjasama Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi telah **menguatkan kerjasama rentas PTJ dan menambah nilai kepada pembangunan sahsiah serta hubungan interpersonal staf**. Program Sesi Santai Ilmu pula menjadi medium berkesan dalam menyampaikan ilmu berkaitan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), termasuk melalui pertandingan EKSA yang telah dianjurkan sepanjang tahun 2024.

Integrasi nilai dan pengetahuan ini turut diterjemahkan dalam pengurusan suasana kerja yang kondusif. Pelaksanaan inisiatif EKSA (**bukti 3**) bukan sekadar **menepati piawaian persekitaran kerja**, tetapi **memupuk nilai profesionalisme, keteraturan dan produktiviti dalam kalangan warga UiTMPs**. Ini membuktikan bahawa jam latihan dan program yang dilaksanakan tidak hanya memenuhi indikator prestasi, bahkan **membentuk budaya kerja berimpak tinggi** yang mengarah kepada kecemerlangan institusi secara keseluruhan.

Di samping itu, **analisa strategi pencapaian PI tahun 2024 (bukti 4)** bagi memastikan sasaran yang telah ditetapkan berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Hal ini dibuktikan melalui program Vibrant Conference dan Empowering Your Writing Skills (**bukti 5**) yang telah dilaksanakan bertujuan **menyediakan platform untuk berkongsi hasil**

penyelidikan serta membuka ruang bagi jalinan industri, akademik tempatan dan luar negara. Ianya juga memberikan nilai tambah dari segi menghasilkan hasil penulisan jurnal yang berindeks bagi akademik UiTMPs dan membuktikan bahawa langkah yang ideal telah direncanakan bagi memberi ruang kepada pensyarah memastikan KPI dalam sistem Amanah Tugas Pensyarah sentiasa tercapai. Hasilnya, akademik berfikiran kreatif dan kritis terus dizahirkan dalam kalangan warga UiTMPs.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_A01_AB05_20251_BUKTI 1 KOMPONEN INTEGRASI-compressed.pdf](#)
2. [K0033_A01_AB05_20252_BUKTI 2 Minit Mesyuarat MKSP Bil. 2.2024 copy.pdf](#)
3. [K0033_A01_AB05_20253_BUKTI 3 LAPORAN UNIT KUALITI DAN AKREDITASI.pdf](#)
4. [K0033_A01_AB05_20254_BUKTI 4.pdf](#)
5. [K0033_A01_AB05_20255_BUKTI 5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan sumber manusia di UiTM Cawangan Perlis (UiTMPs) bagi tahun 2024 dilaksanakan berasaskan pendekatan **Plan-Do-Check-Act (PDCA)**, selaras dengan Pelan Strategik Perancangan Sumber Manusia UiTM 2021–2025 dan aspirasi GRU2025. Pendekatan ini menekankan perancangan tenaga kerja, pembangunan staf, pemantauan berterusan serta pelaksanaan tindakan penambahbaikan yang menyeluruh.

Perancangan (Plan) memberi tumpuan kepada penyediaan pelan pengambilan staf berdasarkan waran perjawatan, di samping penyusunan program pembangunan kompetensi tahunan oleh Unit Latihan. Perancangan meliputi latihan dalam bidang kepimpinan, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, inovasi dan teknologi digital. Data prestasi staf melalui sistem myATP, e-LNPT dan TEX digunakan sebagai asas mengenal pasti jurang kompetensi, seterusnya menyokong perancangan kerjaya dan pembangunan profesional secara berfokus.

Pelaksanaan (Do) diterjemahkan melalui pelbagai program latihan dalaman dan luaran serta penganjuran pembangunan profesional. Inisiatif seperti **Empowering Your Writing Skills** dan **Vibrant Conferences** meningkatkan kepakaran akademik melalui perkongsian pengetahuan, penerbitan ilmiah, serta penglibatan dalam persidangan berimpak tinggi. Sinergi rentas fungsi diperkukuh melalui kolaborasi staf akademik dan pentadbiran dalam penganjuran **Sambutan Jubli Emas** serta **HEPpiness Fiesta** yang menyemai budaya kerja berpasukan. Kolaborasi industri dengan **FAMA, KPJ Healthcare, FMC** dan **Kolej Komuniti** pula memperluas jaringan praktikal, manakala projek **Harumanis–Lindifera** menampilkan sumbangan kepakaran UiTMPs kepada komuniti dan industri.

Pemantauan (Check) dilaksanakan melalui instrumen formal seperti Indeks Kegembiraan UiTM, sistem e-Aduan, dan e-RMS, selain sistem penilaian tahunan e-LNPT dan myATP. Staf akademik turut dinilai melalui TEX yang merangkumi TESA, SUFO, dan PROPENS. Dapatan daripada pemantauan ini digunakan untuk menilai pencapaian individu dan organisasi, mengenal pasti risiko serta merangka penambahbaikan. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) menjadi platform utama menilai keberkesanan keseluruhan pengurusan sumber manusia.

Tindakan Penambahbaikan (Act) digerakkan berasaskan maklum balas dan hasil pemantauan. Antara langkah utama ialah pelantikan staf kontrak bagi mengisi jawatan kritikal, penambahan kemudahan latihan, serta penggubalan **Blueprint 10 Tahun Pembangunan Kampus UiTMPs 2024–2034** untuk menyokong pembangunan mampan. Pengiktirafan prestasi melalui **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)**, **Anugerah Akademik Universiti (AAU)**, **Anugerah Staf Pentadbiran**, **Anugerah Kualiti**, serta **Anugerah Semarak Sanjung** dijadikan pemangkin motivasi warga kerja. Inisiatif kebajikan dan kesejahteraan staf turut diperkukuh melalui program sukan serta sokongan psikologi.

Secara keseluruhan, pelaksanaan model PDCA membolehkan UiTMPs mengurus sumber manusia secara lebih tersusun, sistematik, dan berkesan. Integrasi strategi pembangunan bakat, pemantauan prestasi serta budaya penghargaan telah meningkatkan kecekapan, kesejahteraan, dan daya saing staf. Pendekatan ini memperkukuh kedudukan UiTMPs dalam menyokong visi UiTM sebagai **Globally Renowned University 2025** serta memperluas sumbangan universiti terhadap agenda nasional.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Model pengurusan dan pembangunan sumber manusia UiTMPs dirangka secara strategik berasaskan empat elemen utama PDCA, merangkumi pendekatan holistik dan bersepadu bagi memperkasa pengurusan bakat secara cemerlang, sekali gus memacu UiTMPs ke arah merealisasikan aspirasi sebagai **Globally Renowned University** menjelang 2025. Model ini dibentuk seiring dengan visi Pelan Strategik UiTM 2025 dan komitmen UiTMPs untuk membina modal insan unggul bertaraf global, seterusnya memperkukuh usaha mencapai 11 fokus strategik KPT secara efektif dan berimpak tinggi. Strategi pendekatan dilaksanakan meliputi komponen PDCA iaitu Perancangan Modal Insan (PLAN), Pembangunan Modal Insan (DO), Pengurusan Prestasi (CHECK) serta Pengiktirafan dan Penghargaan (ACT) (**Bukti 1**).

5.2.1 Perancangan Modal Insan (PLAN)

Proses pengambilan staf UiTMPs dilaksanakan berdasarkan **waran perjawatan** yang diterima daripada Pejabat Pendaftar. Calon dikenal pasti melalui saringan dokumen, sesi temuduga, dan penilaian panel berpandukan kriteria kompetensi, kelayakan akademik serta potensi kepimpinan. Pemantauan pelantikan turut dilakukan oleh Timbalan Pendaftar bersama penyelia PTJ bagi memastikan **kesesuaian penempatan, keberkesanan tugasan**, dan penyelarasan terhadap keperluan organisasi semasa (**Bukti 2**).

5.2.2 Pembangunan Modal Insan (DO)

Pembangunan modal insan UiTMPs dilaksanakan secara strategik melalui pelbagai inisiatif latihan dan pembangunan staf yang diselaraskan oleh **Unit Latihan** mengikut keperluan kompetensi jabatan. Sepanjang tahun 2024, latihan dilaksanakan dalam bidang utama termasuk **pengajaran, kepimpinan, teknologi digital, keselamatan** serta **penyelidikan**, dengan sokongan Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) dan organisasi luar. Semua staf digalakkan memenuhi **jam latihan tahunan minimum (Bukti 3)** sebagai usaha berterusan meningkatkan kecekapan profesional. Selain itu, pembangunan kerjaya staf turut diperkukuh melalui program mentoring, bimbingan akademik, penyelidikan serta penerbitan. Program **Galakan Kenaikan Pangkat**, hebahan peluang melanjutkan pengajian, dan kemudahan sokongan kerjaya adalah langkah proaktif bagi melahirkan warga kerja berprestasi tinggi serta berdaya saing di peringkat nasional dan global.

5.2.3 Pengurusan Prestasi (CHECK)

Penilaian prestasi dilaksanakan melalui sistem **myATP** bagi staf akademik dan **e-LNPT** bagi staf sokongan. Proses penilaian merangkumi pengisian sasaran kerja tahunan, penilaian pertengahan tahun dan pelaporan akhir tahun. Staf akademik turut dinilai melalui **TEX**, meliputi **TESA, SUFO** dan **PROPENS (Bukti 4)**. Hasil penilaian digunakan untuk menilai pencapaian, mengenal pasti jurang kompetensi, serta menyokong cadangan kenaikan pangkat dan hala tuju pembangunan kerjaya staf.

5.2.4 Penghargaan dan Pengiktirafan (ACT)

UiTMPs menjadikan **Anugerah Semarak Sanjung** serta **Majlis Kemuncak Hari Inovasi dan Kualiti** sebagai platform utama meraikan budaya kecemerlangan melalui pengiktirafan dan penghargaan kepada warga kerja yang menunjukkan prestasi luar biasa sepanjang 2024. Dalam majlis ini, **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** menjadi kemuncak apresiasi kepada staf yang mencapai tahap tertinggi. Selain itu, penganugerahan berprestij tahunan seperti **Anugerah Akademik Universiti, Anugerah Staf Pentadbiran** dan **Anugerah Kualiti** yang dianjurkan di peringkat universiti turut diwar-warkan melalui penerbitan **Buletin PJI (Bukti 5)** bagi meningkatkan motivasi warga UiTMPs untuk terus unggul dalam kepimpinan dan profesionalisme.

Pelbagai inisiatif kebajikan turut digerakkan melalui kerjasama **Pusat Islam** dan **Unit**

kesihatan UiTMFS (Buku 3), termasuk program sokongan psikologi, aktiviti sukamati staf, saringan kesihatan percuma, bantuan kebajikan serta tabung bencana. Langkah susulan ini bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan warga tetapi juga memperkukuh motivasi berasaskan penilaian prestasi dan maklum balas yang diterima, seterusnya menutup kitaran PDCA secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_S01_SB02_20251_5.2_Bukti_1_Strategi Pendekatan PDCA.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB02_20252_5.2_Bukti_2_Dokumen Proses dan Carta Aliran Pengambilan Staf UiTMFS.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB02_20253_5.2_Bukti_3_Log Latihan Staf Tahun 2024.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB02_20254_5.2_Bukti_4_Proses Penilaian Staf.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB02_20255_5.2_Bukti_5_Dokumentasi Pengiktirafan & Penghargaan Staf.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMPs mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia melalui peluasan peranan staf merentasi bidang akademik, penyelidikan, pembangunan komuniti, serta kerjasama industri dan antarabangsa. Pendekatan ini memastikan penglibatan menyeluruh dan berimpak tinggi daripada semua lapisan staf.

5.3.1 Pemeraksanaan Kepakaran Melalui Program Berimpak dan Jaringan Industri

Program **Empowering Your Writing Skills** dilaksanakan sebagai wadah perkongsian kepakaran dalam kalangan staf akademik bagi meningkatkan kemahiran penulisan ilmiah melalui bengkel, webinar, serta sesi bimbingan terancang (**Bukti 1**). Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh keupayaan penulisan staf, malah menyemai budaya penerbitan ilmiah berimpak tinggi. Selain itu, **Vibrant Conferences** memberi ruang kepada staf akademik untuk berkongsi kepakaran dan hasil penyelidikan di persidangan peringkat nasional serta antarabangsa. UiTMPs juga memperluas pemeraksanaan kepakaran melalui jaringan industri dan komuniti. Kerjasama dengan rakan strategik seperti **FAMA, KPJ Healthcare, FMC, dan Kolej Komuniti (Bukti 1)** membolehkan staf serta pelajar mengaplikasikan ilmu secara praktikal dalam konteks sebenar. Keterlibatan pensyarah dan pelajar dalam **Perlis International Poetry Festival** turut menampilkan sumbangan kepakaran akademik UiTMPs dalam memperkukuh dimensi seni, budaya dan ilmu di peringkat antarabangsa.

5.3.2 Sinergi Rentas Fungsi

Program seperti **Sambutan Jubli Emas dan HEPpiness Fiesta** telah menjadi platform kolaboratif antara staf akademik dan pentadbiran dalam memperkukuh budaya kerja berpasukan dan nilai kesukarelawanan (**Bukti 1**). Sinergi ini turut menyumbang kepada pembentukan gerak kerja yang harmoni dan bersepadu.

5.3.3 Kerjasama Global dan Mobiliti Antarabangsa

UiTMPs menjalin kerjasama strategik dengan institusi luar negara seperti **Universitas Bengkulu (Indonesia)** dan **Universitas Airlangga** melalui program mobiliti akademik, kolaborasi penyelidikan, dan pertukaran pelajar. Penglibatan pensyarah dan pelajar dalam program ini memperkukuh keupayaan interkultural, memantapkan jaringan akademik, dan **meningkatkan keterlihatan** UiTMPs di peringkat **antarabangsa**. Selain itu, pelaksanaan program mobiliti pelajar, **Cultural Orientation** bersama **Prince of Songkla University (Bukti 3)** turut memberi pendedahan kepada pelajar UiTMPs terhadap budaya pembelajaran di institusi tersebut.

5.3.4 Penjanaan Hasil Berdasarkan Kepakaran

Staf akademik dari Fakulti Pengurusan Perniagaan bersama staf Unit Ladang mengaplikasikan kepakaran dalam penghasilan produk inovatif berasaskan Harumanis, termasuk **Yogurt Beauty Drink, Beauty Soap**, dan produk makanan seperti serunding. Melalui kerjasama dengan syarikat pemula **Athanliz Innovations Sdn. Bhd.**, produk-produk ini telah menembusi pasaran **runcit nasional serta antarabangsa**, sekali gus menyumbang kepada **penjanaan** hasil universiti (**Bukti 4**).

5.3.5 Pembudayaan Inovasi dan Penyelidikan

Program seperti **Semarak Penyelidikan** dan **Symposium on Innovation & Creativity (SIC)** memberi ruang kepada staf menonjolkan inovasi, menyertai pertandingan penyelidikan serta meningkatkan kualiti penerbitan (**Bukti 5**). Budaya penyelidikan ini menggalakkan penciptaan idea baharu serta penambahbaikan amalan kerja sedia ada. Selain itu, dua **cap dagangan** milik UiTM Perlis telah didaftarkan dengan **MyIPO** sehingga 2024 (**Bukti 2**). UiTMPs juga telah berjaya menerbitkan **jurnal** berindeks **MyCite** seperti **Journal of Computing Research and**

inovasi (SINERGI) dan sumber manusia (Bukti 5)

Kesimpulannya, UiTMPs berjaya memperluas pengurusan sumber manusia melalui pelbagai inisiatif yang menyatukan kompetensi, keterlibatan komuniti, inovasi serta jaringan strategik sejajar dengan matlamat pembangunan mampan dan transformasi GRU2025.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_S01_SB03_20251_5.3_Bukti 1_Pemeriksaan Kepakaran dan Sinergi Rentas Fungsi.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB03_20252_5.3_Bukti 2_Pencapaian Inovasi dan Kepakaran.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB03_20253_5.3_Bukti 3_Mobiliti dan Kerjasama Global.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB03_20254_5.3_Bukti 4_Athanz Innovations Sdn. Bhd.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB03_20255_5.3_Bukti 5_SIC 2024.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMPs melaksanakan pemantauan berterusan terhadap tahap kepuasan staf dan keberkesanan sistem kerja melalui instrumen formal dan tidak formal. Antara mekanisme utama adalah **Soal Selidik Indeks Kegembiraan UiTM 5.0 (Bukti 1)** berasaskan model PERMAI, yang dijalankan empat kali setahun. Lima domain utama yang dinilai ialah Keterlibatan, Hubungan, Makna, Pencapaian dan Infrastruktur. Hasil analisis digunakan untuk menilai prestasi jabatan serta mencadangkan penambahbaikan berfokus.

Sistem **e-Aduan (Bukti 2)** turut membolehkan staf menyuarakan maklum balas dan isu berkaitan persekitaran kerja. Aduan yang diterima dianalisis mengikut kategori dan kekerapan untuk tindakan serta pelaporan kepada pihak Pengurusan Kanan UiTMPs.

Pemantauan risiko turut dilaksanakan melalui **Mesyuarat Pemilik Risiko (Bukti 3)** sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi menilai isu kritikal berkaitan pengurusan sumber manusia. Risiko ini direkodkan dalam sistem **e-RMS**, yang merangkumi deskripsi risiko, tahap impak, dan tindakan kawalan (**Bukti 4**).

Di samping itu, **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (Bukti 5)** turut diadakan secara berkala bagi menyemak semula keberkesanan sistem pengurusan dan prestasi keseluruhan organisasi, termasuk pengurusan sumber manusia.

Secara keseluruhannya, pemantauan berstruktur ini membantu UiTMPs menilai keberkesanan intervensi pengurusan serta mengenal pasti ruang penambahbaikan secara berterusan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_S01_SB04_SC01_20251_5.4.1 Bukti 1 Laporan Kajian Soal Selidik Indeks Kegembiraan UiTM 6.0.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB04_SC01_20252_5.4.1 Bukti 2 Data dan rekod dari sistem e-Aduan.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB04_SC01_20253_5.4.1 Bukti 3 Minit Mesyuarat Pemilik Risiko.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB04_SC01_20254_5.4.1 Bukti 4 Paparan Sistem e-RMS.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB04_SC01_20255_5.4.1 Bukti 5 Minit dan Laporan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan \(MKSP\).pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko di UiTMPs merangkumi tiga proses utama iaitu: i) **mengenal pasti**, ii) **menilai**, dan iii) **mengurus risiko**. Ketiga-tiga proses ini saling melengkapi dalam memastikan risiko ditangani secara berstruktur, proaktif dan berkesan. Sebagai dokumen induk dalam kerangka pengurusan risiko UiTMPs, **Daftar Risiko UiTMPs** berfungsi sebagai rujukan utama yang menghimpunkan keseluruhan spektrum risiko UiTMPs, lengkap dengan klasifikasi tahap risiko, strategi mitigasi, pelan tindakan kawalan risiko, serta perancangan untuk mengatasinya dan hasil pengendalian risiko (**Bukti 1**). Pendekatan ini mencerminkan kecekapan tadbir urus UiTMPs berasaskan risiko.

Selain itu, risiko dalam pengurusan sumber manusia dikenal pasti melalui pelbagai mekanisme termasuk mesyuarat rasmi seperti **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan** dan **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif**, maklum balas pelanggan (staf, pelajar, masyarakat), serta pemantauan berkala melalui sistem **electronic Risk Management System (e-RMS) UiTMPs** (**Bukti 3**).

Antara risiko utama yang dikenal pasti bagi tahun 2024 termasuk beberapa aspek kritikal yang berpotensi menjejaskan kelancaran operasi dan pengurusan sumber manusia di UiTMPs (**Bukti 2**). Pertama, **kekangan belanjawan operasi** menimbulkan cabaran dalam pelaksanaan latihan, pengurusan logistik, serta inisiatif kebajikan staf, sekali gus memberi impak terhadap motivasi dan produktiviti. Kedua, **kelewatan dalam pelaksanaan pelan penggantian** berlaku apabila staf bersara, meletak jawatan, atau bercuti bersalin tanpa pengganti segera, yang akhirnya menjejaskan kesinambungan operasi dan kelancaran tugas harian. Ketiga, **ketiadaan waran baharu perjawatan** menyebabkan peningkatan beban kerja kepada staf sedia ada serta memberi gangguan kepada pelaksanaan pengajaran dan pentadbiran.

Semua risiko ini telah didokumenkan dalam **Daftar Risiko UiTMPs** dan pelbagai tindakan mitigasi telah dilaksanakan untuk menangani isu-isu tersebut (**Bukti 1 & 2**). Antara langkah yang diambil termasuk **pelantikan staf kontrak** atau interim bagi mengisi posisi kritikal (**Bukti 4**), permohonan khas peruntukan tambahan daripada pihak pengurusan pusat bagi memastikan kelangsungan operasi, serta penyusunan dan pengagihan semula beban tugas secara dalaman bagi memastikan kesinambungan fungsi dan tanggungjawab (**Bukti 5**). Langkah-langkah ini diharapkan dapat mengurangkan kesan risiko terhadap operasi harian dan meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia di UiTMPs.

Kesimpulannya, strategi pengurusan risiko yang berasaskan pemantauan berterusan dan intervensi proaktif ini membantu mengawal impak risiko terhadap operasi kampus serta memastikan kebajikan dan keseimbangan beban kerja staf terus terpelihara.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_S01_SB04_SC02_20251_5.4.2 Bukti 1 Proses Pengurusan Risiko UiTMPs.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB04_SC02_20252_5.4.2 Bukti 2 Risiko Utama UiTMPs.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB04_SC02_20253_5.4.2 Bukti 3 Jawatankuasa Pengurusan Risiko.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB04_SC02_20254_5.4.2 Bukti 4 Dokumen pelantikan staf PTFT.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB04_SC02_20255_5.4.2 Bukti 5 Laporan pengagihan tugas atau penyelarasan beban kerja dalaman jabatan.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMPs komited memastikan persekitaran kerja yang kondusif melalui kajian semula berterusan terhadap maklum balas warga kampus. Proses penambahbaikan ini dilaksanakan berasaskan analisis data daripada pelbagai instrumen termasuk **Soal Selidik Indeks Kegembiraan UiTM 6.0 (Bukti 1)**, sistem **e-Aduan**, serta sistem pengurusan risiko **e-RMS (Bukti 2)**. Maklumat yang diperoleh digunakan untuk mengenal pasti isu, merancang tindakan mitigasi, dan menilai keberkesanan intervensi bagi meningkatkan kesejahteraan serta produktiviti staf.

Antara tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah menyentuh pelbagai aspek sokongan kepada staf dan keberkesanan operasi harian kampus. Pertama, **peningkatan sistem sokongan staf** diperkukuhkan melalui penyediaan perkhidmatan kaunseling dan psikologi oleh **Unit Kaunseling**, yang berperanan membantu staf mengurus tekanan kerja, meningkatkan kesejahteraan mental, serta menyokong keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan peribadi. Di samping itu, bantuan teknikal ICT turut dipertingkatkan bagi memastikan kelancaran operasi, khususnya dalam penggunaan aplikasi pengurusan universiti, sistem pembelajaran digital, dan penyelesaian isu teknikal harian yang memberi kesan langsung kepada produktiviti (**Bukti 1**).

Kedua, aspek **pemantauan perbelanjaan secara berhemah** turut diberi penekanan. Melalui kawalan ketat terhadap penggunaan peruntukan, UiTMPs dapat memastikan dana diagihkan secara optimum kepada aktiviti kritikal. Pada masa yang sama, langkah proaktif turut diambil melalui **permohonan dana tambahan** bagi menampung keperluan segera yang tidak dapat dibiayai melalui bajet sedia ada, sekali gus mengelakkan gangguan terhadap operasi teras kampus (**Bukti 3**).

Ketiga, **pelantikan staf kontrak pelbagai kemahiran (Bukti 4)** dilaksanakan untuk mengisi kekosongan jawatan sementara akibat persaraan, cuti bersalin atau perletakan jawatan. Langkah ini membantu mengurangkan beban kerja staf tetap serta memastikan kesinambungan tugas pentadbiran, akademik, dan sokongan tidak terjejas.

Akhir sekali, keberkesanan tindakan penambahbaikan ini tidak hanya dilaksanakan di peringkat pengurusan kanan, tetapi juga dikongsi bersama warga kampus melalui **taklimat PTJ dan laporan mesyuarat (Bukti 5)**. Mekanisme ini memastikan semua pihak mendapat maklumat terkini, mewujudkan rasa kebersamaan, serta meningkatkan kepercayaan staf terhadap komitmen pengurusan dalam menjaga kebajikan mereka.

Kesimpulannya, UiTMPs mengambil pendekatan proaktif dan kolaboratif dalam merespons isu sumber manusia, menjadikan penambahbaikan sebagai satu budaya kerja berterusan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_S01_SB04_SC03_20251_5.4.3.1_Bukti 1_Laporan kajian Indeks Kegembiraan UiTM 6.0.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB04_SC03_20252_5.4.3.2_Bukti 2_Sistem eAduan & eRMS.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB04_SC03_20253_5.4.3.3_Bukti 3_Slaid Taklimat Kewangan Kejut UiTM Cawangan Perlis.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB04_SC03_20254_5.4.3.4_Bukti 4_Lantikan Pensyarah PTFT.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB04_SC03_20255_5.4.3.5_Bukti 5_Medium Hebahan Maklumat Kepada Staf.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan sumber manusia di UiTMPs telah menghasilkan impak ketara melalui integrasi strategi, inovasi dan budaya penghargaan. Tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2024 bukan sahaja menyelesaikan isu semasa, malah mencetuskan inovasi yang memberi nilai tambah kepada organisasi.

5.5.1 Inovasi Hasil Tindakan Penambahbaikan

Antara hasil inovasi utama yang dilaksanakan ialah penyediaan **Blueprint 10 Tahun Pembangunan Kampus UiTMPs (2024–2034) (Bukti 1)** yang dirangka berdasarkan pemantauan risiko dan maklum balas staf, dengan fokus kepada pembangunan mampan serta persekitaran kerja kondusif. Selain itu, UiTMPs turut memperkenalkan sistem digitalisasi dalam pengurusan latihan dan aduan yang mempercepatkan proses penilaian, pemantauan pembangunan staf serta meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan (**Bukti 2**).

5.5.2 Pengiktirafan dan Penghargaan

Budaya penghargaan turut diperkukuh melalui penganjuran **Hari Inovasi dan Penghargaan Staf UiTMPs** bagi mengiktiraf pencapaian tahunan staf pentadbiran dan akademik dalam aspek prestasi, integriti dan impak organisasi. UiTMPs juga berjaya meraih **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Ketampakan UiTM 2024** melalui **Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU)** dengan kemenangan dalam kategori. Hebah kejayaan ini disalurkan melalui media sosial rasmi dan buletin dalaman, seterusnya meningkatkan keterlihatan staf dan institusi. Selain itu, **Majlis Semarak Sanjung** turut diadakan bagi meraikan pencapaian staf dalam penyelidikan, penulisan, inovasi dan hak cipta (**Bukti 3**).

5.5.3 Pembudayaan Kreativiti dan Inovasi

Pembudayaan kreativiti diperkasa melalui penganjuran tahunan **Symposium of Innovation and Creativity (SIC) 2024** yang berfungsi sebagai platform pemangkin bagi melahirkan idea baharu serta menjadi saluran mengenalpasti peserta ke pertandingan inovasi peringkat universiti seperti **The International Innovation & Design Expo (iIDEX) 2024**. Kontinjen UiTM Cawangan Perlis telah menyertai iIDEX 2024 dengan menghantar **11 produk inovasi** untuk dipertandingkan (**Bukti 4**). Melalui penglibatan staf dalam program berimpak ini, UiTMPs berjaya menghasilkan inovasi berdaftar MyIPO (**Bukti 5**) serta mengukuhkan sumbangan staf dalam penyelidikan, penerbitan dan mobiliti antarabangsa melalui pemberian insentif serta pendedahan di peringkat kebangsaan dan global.

Secara keseluruhannya, pendekatan integratif UiTMPs dalam pengurusan sumber manusia telah menyatukan inovasi, pelan strategik dan pengiktirafan staf dalam satu sistem bersepadu. Usaha ini memperkukuh budaya prestasi tinggi, menyokong aspirasi universiti dan menyumbang secara langsung kepada pencapaian matlamat strategik UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_S01_SB05_20251_5.5_Bukti_1_Blueprint Pelan Pembangunan Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis 2024 - 2034.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB05_20252_5.5_Bukti_2_Sistem eAduan & eRMS.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB05_20253_5.5_Bukti_3_Dokumentasi Pengiktirafan & Penghargaan.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB05_20254_5.5_Bukti_4_Kontinjen SIC 2024 ke iIDEX 2024.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB05_20255_5.5_Bukti_5_Pencapaian Inovasi MyIPO.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMPs percaya keseluruhan **warga kampus mempunyai nilai yang sangat tinggi dan berharga**. Oleh itu setiap bakat yang ada dalam diri mereka perlu diperkasakan bagi memastikan mereka mampu memberikan perkhidmatan terbaik kepada kampus. UiTMPs telah mengenalpasti 3 operasi utama untuk membangunkan staf agar mereka bukan sahaja mampu menghasilkan sumbangan yang baik kepada UiTMPs, bahkan memberi kesan positif kepada negara dan seterusnya ke peringkat antarabangsa.

Tiga operasi utama yang telah digunakan oleh UiTMPs dalam pembangunan staf adalah: **(1) latihan ke arah peningkatan kecekapan staf** agar menjadi staf yang berdaya saing dalam bidang akademik dan pentadbiran, **(2) pemantapan prasarana** agar staf dapat menjalankan tugas dalam suasana yang lebih kondusif, dan **(3) insentif dan penghargaan kepada staf** agar staf sentiasa merasakan kewujudan mereka sentiasa dihargai.

Perancangan yang mantap bagi setiap operasi telah dijalankan melalui **Pelan Tindakan Strategik 2024 UiTMPs** untuk memastikan setiap operasi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Bagi pelan operasi meningkatkan kecekapan staf, perancangan operasi yang telah dijalankan adalah dengan **mewujudkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)**. Projek tersebut memberi impak positif dan budaya inovasi di kalangan staf UiTMPs. Manakala bagi projek pembangunan penyelidikan, beberapa operasi telah dirancang untuk memperkasakan penerbitan dan membudayakan penulisan di kalangan staf akademik. Segala usaha yang dijalankan menjadi lebih berkesan dengan kewujudan prasarana yang kondusif. Perancangan yang teliti adalah sangat penting bagi memastikan setiap usaha yang dijalankan oleh setiap staf dan setiap pencapaian yang telah dihasilkan oleh mereka, mendapat penghargaan dan pengiktirafan dari pihak UiTMPs dari segenap bahagian.

Pelaksanaan untuk operasi latihan bagi meningkatkan kecekapan staf adalah menjalankan beberapa bengkel dalam sub projek **Empowering Your Writing Skills**. Bengkel-bengkel tersebut mampu meningkatkan pencapaian UiTMPs dalam skor MyRA. Bagi staf pentadbiran, bengkel-bengkel yang melibatkan pengetahuan berkenaan ICT juga telah dijalankan untuk meningkatkan kemahiran staf dalam dunia teknologi maklumat. Operasi menaiktaraf prasarana kampus seperti **menaik taraf wifi** dan **menaiktaraf makmal komputer multimedia** telah dijalankan bagi membolehkan staf UiTMPs menjalankan tugas dengan menggunakan kemudahan teknologi terkini. Prasarana kampus yang diambilkira, tidak tertakluk hanya dalam bangunan pejabat sahaja. Ianya termasuk juga **kelengkapan bagi menjalankan aktiviti kampus**, sama ada dalam talian atau pun secara fizikal. Bagi menghargai dan mengiktiraf pencapaian staf UiTMPs, beberapa majlis pengiktirafan telah dilaksanakan di setiap unit dan fakulti seperti **Majlis Anugerah Semarak Sanjung 2023**, anjuran Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIMA), UiTMPs.

Pemantauan bagi setiap latihan yang dijalankan adalah melalui **pengumpulan maklumbalas yang diterima sebaik sahaja latihan tamat**. Pemantauan bagi setiap keperluan bagi prasarana kampus dapat dilakukan berdasarkan aduan yang telah diterima. **Pemantauan penyelidikan dan terbitan yang terhasil** dari bengkel-bengkel anjuran PJIMA UiTMPs seperti Bengkel penulisan kertas cadangan penyelidikan dan bengkel penulisan artikel dijalankan oleh pejabat PJIMA UiTMPs sendiri. Pemantauan perkembangan projek bagi setiap geran yang dianugerahkan kepada pensyarah juga dilaksanakan melalui unit Penyelidikan di PJIMA

UITMPS.

Antara usaha **penambahbaikan** bagi sistem pengurusan kualiti UiTMPs, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan **(MKSP) UiTMPs** telah dijadikan sebagai satu platform utama penyelarasan setiap projek yang telah dirancang sepanjang tahun 2024

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses-proses utama yang terlibat dalam menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif ke arah melahirkan staf yang berdaya saing dan holistik adalah: (1) peningkatan kecekapan staf dalam bidang akademik dan pentadbiran, (2) pemantapan prasarana yang kondusif di tempat kerja, dan (3) penyampaian penghargaan terhadap staf.

1. Operasi latihan ke arah meningkatkan kecekapan staf

Antara projek yang telah dijalankan bagi meningkatkan bakat staf adalah melalui sub projek **Pemantapan Kumpulan Inovatif dan Kreatif**. UiTMPs telah **menganjurkan Konvensyen KIK Peringkat Zon Utara** dengan jayanya. Penganjuran konvensyen ini berjaya memberi peluang kepada staf terlibat dalam program berasaskan inovasi. Dua kumpulan dari UiTMPs telah bertanding: F-Tech dan Digest. Kedua-dua kumpulan tersebut telah berjaya mencapai **Penarafan Emas. (Bukti 1)**

Melalui Projek Pembangunan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan, tiga bengkel penulisan telah dijalankan melalui sub projek **Empowering Your Writing Skills. (Bukti 2)**. Antara bengkel yang telah dijalankan ialah **FSR Writing Champion: From FYP to Journal Publications (Rajah 6.2.3a; Bukti 3)**. Bengkel ini mensasarkan penghasilan jurnal berindeks pensyarah FSR. Bagi mendedahkan pensyarah UiTMPs mengenai penulisan yang efektif, **Writing Series: Penulisan Sainifik (Rajah 6.2.3b; Bukti 3)** telah diadakan. Beberapa kursus bagi meningkatkan **kemahiran staf dalam ICT** telah juga dijalankan seperti Knowledge Sharing - rangkaian dan wifi, Bengkel Rangkaian Berjadual dan Kursus Modul pengenalan One Drive Microsoft 365.

2. Operasi pemantapan prasarana yang kondusif

Bagi memastikan warga UiTMPs berupaya berkhidmat dalam suasana yang kondusif terutama sekali bagi dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran, usaha menaik taraf makmal komputer multimedia telah dilakukan. UiTMPs telah membuat **pembelian sebanyak 21 unit Komputer Multimedia**. Perisian multimedia ini dapat digunakan oleh semua fakulti yang menawarkan kursus Multimedia. Dengan adanya kemudahan perisian komputer multimedia yang terkini, **para pensyarah berupaya meningkatkan kualiti pengajaran ke paras yang optimum. (Bukti 4)**

Kelancaran setiap operasi yang dijalankan pada amat memerlukan penggunaan wifi yang optimum. Oleh itu, proses pemasangan wifi bagi keseluruhan kampus telah dijalankan secara berperingkat, bermula dari unit kediaman pelajar, sebelum pemasangan dibuat di segenap blok pentadbiran.

UiTMPs juga telah memastikan alat penghawa dingin dapat berfungsi dengan baik bagi memberikan keselesaan kepada staf dalam menjalankan tugas.. Beberapa unit alat penghawa dingin rosak telah di kenalpasti dan operasi penggantian dibuat secara berperingkat.

3. Operasi Penawaran Insentif dan Penghargaan staf

Bagi menghargai penglibatan staf dalam penyelidikan, beberapa insentif dalam bentuk geran telah ditawarkan oleh UiTMPs, selain daripada geran dari pihak luar. Antara Geran tersebut

adaian **Geran i - talent** yang menawarkan sebanyak 6 geran yang bernilai RM1500 bagi setiap geran. Manakala **Geran Inovatif Zakat (GIZA) 2.0**, telah menawarkan sebanyak 6 geran yang bernilai RM5000 bagi setiap geran. **Geran GSP 1.0** pula menawarkan 3 jenis geran; Geran Universiti, Geran Industri dan Geran Antarabangsa.

Beberapa bentuk majlis pengiktirafan telah diadakan pada 2024 bagi memastikan setiap usaha dan pencapaian staf dihargai. Antara majlis pengiktirafan yang telah diadakan selain daripada Hari Inovasi UiTMPs adalah **Anugerah Semarak Sanjung 2023** anjuran bahagian PJIMA UiTMPs. Majlis ini diadakan sebagai tanda penghargaan kepada staf UiTMPs yang banyak menyumbang dalam bidang penyelidikan, penerbitan, inovasi, kepakaran, jaringan industri, masyarakat, penulisan buku dan keusahawanan sepanjang tahun 2023. **(Bukti 5)**

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_O01_OB02_20251_aknc2025-K6_R6.2\(1\).pdf](#)
2. [K0033_O01_OB02_20252_aknc2025-K6_R6.2\(2\).pdf](#)
3. [K0033_O01_OB02_20253_aknc2025-K6_R6.2\(3\).pdf](#)
4. [K0033_O01_OB02_20254_aknc2025-K6_R6.2\(4\).pdf](#)
5. [K0033_O01_OB02_20255_aknc2025-K6_R6.2\(5\).pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMPs telah mengadaptasi **Model Plan, Do, Check, Action (PDCA)** dalam melaksanakan projek yang telah dirancang.

Peningkatan Kecekapan Staf

Bagi meningkatkan kemahiran staf dalam penulisan beberapa bengkel penulisan telah dijalankan melalui sub projek **Empowering Your Writing Skills**. Bengkel-bengkel tersebut telah dijalankan sama ada secara bersemuka maupun secara atas talian. Bagi memperkasakan penerbitan di kalangan pensyarah dan membudayakan penulisan saintifik, beberapa persidangan telah dijalankan melalui sub projek **Vibrant Conference (Bukti 1)**. Melalui persidangan ini, UiTMPs berupaya memperluaskan jaringan kolaborasi dengan industri dan bukan industri di dalam dan di luar negara (**Bukti 2**). Kehadiran 42 jam latihan bagi setiap staf sentiasa dipantau dan email peringatan telah dikeluarkan secara berkala.

Dalam usaha menggalakkan penyertaan staf dalam sesuatu projek seperti projek inovasi KIK dan penawaran geran luaran dan geran dalaman, beberapa edaran dibuat melalui email sebagai proses promosi

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Zon Utara 2024 telah dianjurkan oleh UiTMPs melalui platform aplikasi Webex dari Makmal "Big Data" pada 25 dan 26 September 2024. Dua kumpulan telah mewakili UiTMPs. **Kumpulan F-Tech dengan projek bertajuk "IoT Base Power Failure Detector"** telah menerima **Anugerah KIK Berpotensi dan Penarafan Emas**. Manakala kumpulan **Digest dengan projek "I-KHAS"**, telah menerima **Anugerah KIK Istiqomah dan Penarafan Emas**. (**Bukti 3**)

Melalui penganjuran konvensyen ini, keperluan dalam penganjuran universiti secara atas talian dikenalpasti seperti komputer riba dengan kamera yang baik. Kepakaran dalam pengendalian medium atas talian juga diperlukan. Oleh itu, **kursus yang meningkatkan kepakaran dalam ICT amat diperlukan**. Pihak pengurusan kanan UiTMPs juga telah meluluskan peruntukan kepada Bahagian Infostruktur bagi pembelian beberapa peralatan ICT.

Pemantapan Prasarana

Beberapa operasi menaik taraf bangunan pentadbiran dan akademik telah dikenalpasti berdasarkan aduan yang terkumpul dan kebanyakannya adalah berkenaan capaian wifi di kampus. Oleh itu, proses **pemasangan wifi telah dijalankan secara berperingkat**, dari blok kolej kediaman pelajar hingga ke blok pentadbiran.

UiTMPs juga peka dengan keperluan menaik taraf sistem komputer kampus terutama sekali di peringkat pengajaran dan pembelajaran seperti makmal komputer multimedia dan makmal komputer CISCO. Makmal komputer multimedia telah mula digunakan oleh para pelajar dan staf. Manakala proses permohonan peruntukan bagi **penggantian dan perkakasan makmal komputer CISCO** sedang berjalan.

Penghargaan Staf

Bagi menyemarakkan penyelidikan di UiTMPs telah menawarkan tiga jenis geran (i-talent, GIZA 2.0 dan GSP 1.0) sebagai tambahan tawaran geran luar (**Bukti 4**). Pemakluman secara emel telah disebarkan dan disertakan dengan modul garis panduan berkenaan satu-satu jenis geran seperti **Garis Panduan Geran Semarak Penyelidikan (GSP) (Tahun 2024) (Bukti 5)**. Setiap penyelidikan perlu mengikut garis panduan masa yang ditetapkan. Oleh itu, email peringatan dihantar kepada setiap orang penyelidik yang terlibat setiap 6 bulan.

Bagi menghargai keseluruhan staf UiTMPs, sambutan **Hari Inovasi dan Penghargaan Staf UiTMPs 2024** telah diadakan pada 31 Disember 2024. Bahagian PJIMA UiTMPs juga telah menganjurkan **Majlis Anugerah Semarak Sanjung 2023** sebagai penghargaan kepada staf UiTMPs yang banyak memberi sumbangan dalam bidang penyelidikan, penerbitan, kecemerlangan inovasi, kepakaran, alumni, penulisan dan keusahawanan bagi tahun 2023. Majlis ini juga diadakan bersempena Majlis Makan Malam Sambutan 25 Tahun UiTM, iaitu pada 28 Ogos 2024. Sebanyak 51 anugerah telah disampaikan kepada 300 orang penerima.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_O01_OB03_20251_aknc2025-K6_R6.3\(1\).pdf](#)
2. [K0033_O01_OB03_20252_aknc2025-K6_R6.3\(2\).pdf](#)
3. [K0033_O01_OB03_20253_aknc2025-K6_R6.3\(3\).pdf](#)
4. [K0033_O01_OB03_20254_aknc2025-K6_R6.3\(4\).pdf](#)
5. [K0033_O01_OB03_20255_aknc2025-K6_R6.3\(5\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMPs telah menjalankan pelbagai bentuk pemantauan, bergantung kepada aktiviti yang terlibat.

Peningkatan Kecekapan Staf

Bagi memastikan setiap staf menghadiri kursus sekurang-kurangnya 42 jam, proses pemantauan kehadiran staf dibuat secara berkala. Bermula pada bulan April, satu emel berkaitan pemakluman jam latihan akan dikeluarkan sebagai peringatan kepada staf dan juga saranan untuk staf memaklumkan jam latihan yang masih belum direkodkan. Emel ini dihantar setiap dua bulan **(Bukti 1)**. Staf yang mempunyai jumlah jam latihan yang masih tidak mencukupi, diarahkan untuk menghadiri kursus-kursus yang masih ada sebelum akhir tahun melalui ketua PTJ masing-masing.

Melalui penerbitan staf dalam jurnal berindeks, pemantauan terhadap mutu artikel amat dititikberatkan. Ini penting bagi memastikan artikel yang diterbitkan bermutu tinggi dan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan bagi penyelidikan yang akan datang sebagaimana yang terhasil dalam jurnal "Journal of Computing Research and Innovation" (JCRINN) sempena Anugerah Jurnal UiTM (2023 – 2024). **(Bukti 2)**. Seterusnya, ia memudahkan urusan kenaikan pangkat staf yang terlibat.

Pemantapan Prasarana

Keperluan prasarana sentiasa dipantau secara berkala sama ada melalui laporan aduan maklumbalas pelanggan dan juga melalui pelaporan setiap kali selesai sesuatu aktiviti yang dijalankan. Namun begitu, dalam usaha menaiktaraf sesuatu bangunan atau perkakasan ICT, faktor kewangan menjadi satu isu utama yang perlu dititikberatkan. Keadaan ini berlaku dalam usaha menaiktaraf komputer multimedia yang mana pengubahsuaian spesifikasi komputer terpaksa dijalankan sebelum proses pembelian agar ianya kos efektif. **(Bukti 3)**

Penghargaan Staf.

Bagi memastikan setiap staf tidak ketinggalan mendapat penghargaan yang sewajarnya, beberapa pelaporan telah digunapakai untuk menjejak pencapaian staf. Keberkesanan bagi sesuatu aktiviti juga dapat dikesan melalui **pelaporan yang dibuat sebaik sahaja aktiviti tamat, terutama sekali sekiranya ia melibatkan pelbagai pihak berkepentingan** seperti dalam Pelaporan Gala Dinner UiTMPs sempena Sambutan Jubli Emas UiTMPs. Aktiviti ini telah diadakan pada 28 Disember 2024. **(Bukti 4)**.

Bagi staf akademik, pencapaian dalam penerbitan dan aktiviti penyelidikan, keusahawanan dan kemasyarakatan dapat dikesan melalui pelaporan MyRA secara berkala. Jumlah dan kualiti penerbitan juga dapat dikesan melalui sistem PRIMe. Dalam masa yang sama, setiap staf juga diminta untuk menyemak penerbitan yang telah disenaraikan **(Bukti 5)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_O01_OB04_OC01_20251_aknc2025-K6_R6.4.1\(1\).pdf](#)

2. [K0033_O01_OB04_OC01_20252_aknc2025-K6_R6.4.1\(2\).pdf](#)
3. [K0033_O01_OB04_OC01_20253_aknc2025-K6_R6.4.1\(3\).pdf](#)
4. [K0033_O01_OB04_OC01_20254_aknc2025-K6_R6.4.1\(4\).pdf](#)
5. [K0033_O01_OB04_OC01_20255_aknc2025-K6_R6.4.1\(5\).pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko operasi merupakan satu pendekatan yang diambil bagi memastikan kelestarian sistem pengurusan di UiTMPs.

Peningkatan Kecekapan staf

Antara risiko utama yang telah dikenalpasti adalah **bilangan staf yang tidak mencukupi**. Ini disebabkan kekosongan jawatan staf yang berpencen, meninggal dan bertukar tidak diisi dalam jangkamasa terdekat. **(Bukti 1)**

Masaalah ini boleh menyebabkan **beban kerja bagi seseorang staf agak tinggi**. Antara kekangan yang mereka hadapi ialah waktu yang cukup dan bersesuaian untuk mengikuti kursus atau bengkel utama bagi memperkasakan lagi kemahiran dan bakat. Seterusnya, para staf akan menghadapi kesukaran untuk memberi tumpuan kepada tugas selain daripada kerja hakiki seperti menyertai projek inovasi KIK. **Kelewatan mengisi kekosongan pensyarah** memberi impak yang negatif terhadap pelajar kerana tidak dapat belajar dengan pensyarah yang terlatih. Ini akan menyebabkan **kualiti PnP terjejas (Bukti 1)**.

Bagi **staf yang pentadbiran yang tidak cukup jam latihan 42 jam**, akan menghadapi risiko **kesukaran untuk memohon kenaikan pangkat**. Dengan itu, ia memberi kesan kepada kerjaya staf. Setakat ini, ketua PTJ bagi setiap unit telah dikehendaki membuat laporan secara berkala berkenaan dengan staf yang masih kurang jam latihan. **(Bukti 2)**

Pemantapan Prasarana

Bangunan yang menempatkan Seksyen Trafik dan Seksyen Siasatan **Pejabat Polis Bantuan merupakan bangunan usang menjangkau 45 tahun**. Bangunan tersebut telah mengalami kerosakan dan memerlukan penambahbaikan menyeluruh dengan segera. **(Bukti 3)**

Manakala di **blok akademik AI_Farabi 2, terdapat keretakan struktur bangunan dan gegaran struktur lantai**. Kondisi di kedua-dua bangunan tersebut boleh **membahayakan staf dan pelajar yang berada dip persekitaran tersebut. (Bukti 3)**

Kebanyakan operasi keseluruhan warga UiTMPs amat bergantung kepada capaian internet dan seterusnya kepada rangkaian UiTM. Namun begitu, **operasi perkakasan rangkaian seperti suis, “network core” dan pelayan akan terganggu sekiranya bekalan elektrik atau kuasa bilik pelayan terputus**. Setakat ini, ibackup kuasa tambahan iaitu UPS hanya dapat menampung bekalan di bilik server setakat beberapa jam sahaja. **(Bukti 4)**

Kondisi **bilik pelayan yang tidak dilengkapi dengan sistem keselamatan yang piawai** seperti akses door dan cctv menyebabkan keselamatan peralatan di situ tidak terjamin. Tanpa cctv, pencerobohan boleh berlaku tanpa pengetahuan penyelia bilik pelayan. Sekiranya berlaku kehilangan dan kerosakan aset ICT kampus, perkhidmatan ICT akan terjejas dan seterusnya menjejaskan produktiviti para staf UiTMPs. **(Bukti 5)**

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_O01_OB04_OC02_20251_aknc2025-K6_R6.4.2\(1\).pdf](#)
2. [K0033_O01_OB04_OC02_20252_aknc2025-K6_R6.4.2\(2\).pdf](#)
3. [K0033_O01_OB04_OC02_20253_aknc2025-K6_R6.4.2\(3\).pdf](#)
4. [K0033_O01_OB04_OC02_20254_aknc2025-K6_R6.4.2\(4\).pdf](#)
5. [K0033_O01_OB04_OC02_20255_aknc2025-K6_R6.4.2\(5\).pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Segala perkembangan terkini berkenaan keberkesanan operasi pengurusan dibincangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan.

Peningkatan Kecekapan staf

Hasil daripada usaha pemantauan jumlah jam latihan staf, lebih daripada 86% staf telah mencukupkan kehadiran melebihi 42 jam kehadiran ke bengkel atau kursus pada tahun 2024 (**Bukti 1**). Walaubagaimanapun, adalah perlu bagi pihak PTJ memastikan staf mengikuti bengkel yang benar-benar dapat membantu meningkatkan kompetensi staf terutama sekali dalam bidang ICT.

Oleh kerana latihan berkenaan dengan ICT merupakan pencetus kepada kecekapan teknologi maklumat semasa, pengendalian kursus amat dititikberatkan. Namun begitu, terdapat juga kursus yang tidak dapat dijalankan atas faktor ketiadaan penceramah. Atas sebab itu, adalah disarankan agar pihak penganjur kursus mendapatkan bantuan daripada para pensyarah yang bersesuaian, sebagai penceramah (**Bukti 2**).

Pemantapan Prasarana

Pemantapan keperluan prasarana kampus bukan sahaja terhad kepada situasi tempat kerja, malah ia juga merangkumi prasarana semasa aktiviti dijalankan sama ada secara atas talian, mahupun secara fizikal. Ini disebabkan, selain daripada menjalankan tugas hakiki di tempat kerja, para staf perlu juga menganjurkan aktiviti luar pejabat.

Bagi aktiviti secara online, banyak perkakasan ICT perlu disediakan mengikut keperluan semasa. memandangkan perkembangan teknologi maklumat semasa berkembang dengan begitu pesat sebagaimana keperluan semasa majlis Konvensyen KIK Zon Utara (**Bukti 3**). Atas sebab tersebut, pihak pengurusan kampus telah meluluskan peruntukan kepada Bahagian Infostruktur bagi pembelian beberapa peralatan ICT.

Bagi aktiviti yang dijalankan secara fizikal, ada kalanya berlaku pertindihan aktiviti. Namun begitu, peralatan bagi kegunaan program/majlis adalah terhad dan tidak mencukupi. Antara peralatan yang diperlukan seperti khemah, kerusi meja, PA system dan sebagainya. Ketersediaan dan kondisi peralatan tersebut amat penting apabila majlis tersebut melibatkan masyarakat luar. Oleh itu, pihak BPF telah berusaha memastikan peralatan tersebut tersedia untuk sebarang aktiviti, secara berperingkat. Pada September 2024, beberapa perolehan khemah telah dibuat. Bagi peralatan lain, sama ada masih dalam proses perolehan atau pun dalam proses kelulusan peruntukan (**Bukti 4**)

Bagi usaha menaiktaraf bangunan usang yang mengalami kerosakan teruk, kertas kerja telah dihantar kepada pihak UiTM Shah Alam bagi mengisih perancangan RMK-13. Antara projek yang terlibat ialah menaiktaraf Bangunan Polis Bantuan, pembaikan struktur bangunan kolej kediaman dan menaiktaraf Dewan Peperiksaan (**Bukti 5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_O01_OB04_OC03_20251_aknc2025-K6_R6.4.3\(1\).pdf](#)
2. [K0033_O01_OB04_OC03_20252_aknc2025-K6_R6.4.3\(2\).pdf](#)
3. [K0033_O01_OB04_OC03_20253_aknc2025-K6_R6.4.3\(3\).pdf](#)
4. [K0033_O01_OB04_OC03_20254_aknc2025-K6_R6.4.3\(4\).pdf](#)
5. [K0033_O01_OB04_OC03_20255_aknc2025-K6_R6.4.3\(5\).pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Segala usaha bagi **meningkatkan bakat dan kemahiran staf** telah memberi impak yang signifikan terhadap pencapaian UiTMPs sehingga ke peringkat antarabangsa. Melalui inovasi keusahawanan terhasil daripada penyelidikan UiTMPs, **Dr Athifah Najwani Shahidan telah berjaya menjadi finalis dalam pertandingan inovasi di China pada 30 September 2024. (Bukti 1)**

Pihak UiTMPs telah mengadakan usahasama bersama beberapa universiti dan agensi kerajaan dalam **menganjurkan konvensyen “National Agriculture and Food Engineering Convention (NAFEC) 2024”** di UniMAP, Perlis pada 15 dan 16 Mei 2024. Antara penganjur bersama ialah UniMAP, UPM, UMS, KADA dan LADA. Seramai 10 orang staf UiTM terlibat sebagai peserta dalam kategori yang berbeza. Usahasama ini menampakkan kolaborasi UiTMPs yang kuat dengan pihak terlibat dalam bidang berkaitan perladangan di samping menjadi platform bagi para pensyarah menghantar artikel dalam jurnal MyCite dan Scopus. **(Bukti 2)**

Bersempena **Sambutan Jubli Emas ke-50 UiTMPs**, Majlis Makan Malam Gala pada 28 Disember 2024 di Dewan Seri Semarak UiTMPs. Pada siang harinya, Lawatan Sayang Perlis - Memoir Tour juga telah diadakan di sekitar Perlis. Kedua-dua program ini telah berjaya menyumbang integrasi para peserta yang bukan hanya terdiri daripada para staf, termasuk juga para pelajar, pihak industri, komuniti dan alumni UiTMPs. Gabungan ini mampu memupuk hubungan kerjasama di kalangan para peserta. **(Bukti 3)**

Berdasarkan segala usaha yang telah dijalankan oleh pihak pengurusan UiTMPs bagi meningkat hasil penerbitan termasuk proses pemantauan yang dibuat tanpa henti, pencapaian penerbitan artikel dalam semua bentuk penerbitan tahun 2024 telah meningkat berbanding pada tahun 2023. Peningkatan yang paling ketara adalah dalam penerbitan berindeks prosiding konferens. **Penerbitan berindeks bagi prodisiding konferens dalam SCOPUS/WoS meningkat sebanyak empat kali ganda** (dari 26 penerbitan kepada 130 penerbitan). Namun begitu, penerbitan berbentuk usaha sama dengan rakan industri, kebangsaan dan antarabangsa, mengalami sedikit penurunan. **(Bukti 4).**

Usaha bagi pemantapan prasarana UiTMPs sentiasa menjadi keutamaan pihak pengurusan. Beberapa kertas kerja permohonan peruntukan melalui RMK13 yang melibatkan menaiktaraf Bangunan Polis Bantuan, menaiktaraf struktur beberapa Kolej kediaman pelajar dan menaiktaraf Dewan Peperiksaan Dewan Peperiksaan.

Segala pencapaian staf sentiasa mendapat perhatian dan penghargaan dalam pelbagai bentuk media. Antaranya, ucapan tahniah yang siarkan dalam **Buletin PJI** melalui Facebook PJI UiTMPs, emel UiTMPs dan aplikasi WhatsApp di kalangan unit masing-masing. Dalam **Buletin PJI**, antara ucapan tahniah yang telah dihebahkan adalah ucapan kepada staf yang berjaya mendapat sebarang bentuk geran dan kejayaan menerbitkan artikel dalam penerbitan berindeks. **(Bukti 5)**

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_O01_OB05_20251_aknc2025-K6_R6.5\(1\).pdf](#)
2. [K0033_O01_OB05_20252_aknc2025-K6_R6.5\(2\).pdf](#)
3. [K0033_O01_OB05_20253_aknc2025-K6_R6.5\(3\).pdf](#)
4. [K0033_O01_OB05_20254_aknc2025-K6_R6.5\(4\).pdf](#)
5. [K0033_O01_OB05_20255_aknc2025-K6_R6.5\(5\).pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL DARI OPERASI: Hasil dari operasi yang memartabatkan sumber manusia di UiTM Cawangan Perlis (UiTMPs) melalui aktiviti jaringan komuniti, industri dan alumni

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penglibatan staf UiTMPs dalam aktiviti komuniti, jaringan industri, dan alumni merupakan antara komponen utama dalam **mengukuhkan hubungan dua hala antara** universiti, masyarakat dan sektor industri. UiTM Cawangan Perlis (UiTMPs) telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi **memperluas impak sosial dan kolaborasi industri**, sejajar dengan aspirasi UiTM sebagai universiti terkemuka bertaraf global menjelang tahun 2025.

Bermula tahun 2022 hingga 2024, UiTMPs giat melaksanakan program berimpak tinggi yang merangkumi pemindahan ilmu, khidmat masyarakat, Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), dan kerjasama industri melalui pemeteraian pelbagai Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA). Antara inisiatif yang dijalankan termasuk program bimbingan keusahawanan bersama komuniti luar bandar, bengkel kemahiran TVET untuk pelajar sekolah menengah, latihan pembangunan produk bersama PKS tempatan, dan projek kelestarian alam sekitar bersama agensi kerajaan dan pihak industri.

Kejayaan pelaksanaan jaringan ini diperkukuh melalui pelan tindakan tahunan yang menggariskan matlamat strategik PTJ dalam memperkukuh hubungan rentas sektor. Inisiatif ini telah membuka ruang kepada warga UiTMPs, terutamanya pelajar, untuk berinteraksi secara langsung dengan komuniti dan industri melalui program Latihan Industri Berstruktur (Structured Internship Programme), program pemindahan teknologi, dan program komuniti pintar.

Pelbagai program telah dijalankan hasil daripada kerjasama dengan pemain industri termasuk Syarikat Milik Kerajaan (GLC), Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), syarikat antarabangsa, dan juga institusi pendidikan tinggi luar negara. Selain MoU bersama institusi dari Indonesia, jaringan ini turut menghasilkan pelbagai impak nyata seperti peluang latihan industri, penyelidikan bersama, penghasilan produk bersama komuniti, serta pemeraksanaan modal insan setempat.

Kejayaan ini membuktikan bahawa UiTMPs tidak hanya menumpukan kepada kecemerlangan akademik dan penerbitan semata-mata, tetapi turut menggerakkan transformasi sosial melalui jaringan komuniti dan industri. Ia selari dengan aspirasi MyRA, Pelan Strategik UiTM dan Agenda Ketampakan UiTM 2025, sekaligus meletakkan UiTMPs sebagai institusi pendidikan tinggi yang signifikan kepada pembangunan komuniti dan kemajuan industri negara.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0033_HB02_20251_2025_UiTMPs_7.1.2.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0033_HB03_20252_2025_UiTMPs_7.1.3.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0033_HB04_20253_2025_UiTMPs_7.1.4.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0033_HB05_20254_2025_UiTMPs_7.1.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL DARI OPERASI: Pelaksanaan Operasi untuk Pemantapan Aktiviti dan Hasil Penerbitan UiTM Cawangan Perlis (UiTMPs).

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Aktiviti penerbitan adalah antara kriteria utama dalam **pembangunan sumber manusia** bagi dunia akademik kerana hasil penerbitan menjadi **kayu ukur kesarjanaan ahli akademik** dalam bidang kepakaran masing-masing. Penerbitan yang berkualiti adalah bukti sumbangan ahli akademik dalam kemajuan ilmu dalam bidang-bidang tertentu. Selain itu, penerbitan berkualiti **memberi impak besar dalam kualiti dan reputasi** sesebuah institusi pendidikan tinggi. Kejayaan dalam bidang penerbitan secara langsung menjadi **penanda kemajuan dan peningkatan kepakaran sumber** manusia di institusi pendidikan tinggi dan turut menjadi **penyumbang utama di dalam kemajuan kerjaya individu**.

UiTM Cawangan Perlis (UiTMPs) sentiasa cakna dengan penglibatan staf akademik dalam aktiviti penerbitan. Selain Pelan Perancangan Strategik yang dilaksanakan setiap tahun oleh semua kampus UiTM, UiTM Cawangan Perlis telah mengambil inisiatif tambahan untuk memperkasakan aktiviti dan hasil penerbitan dengan mewujudkan **Model Hala Tuju Strategik 2022** dan diteruskan **dengan Pelan Tindakan Strategik 2023** dan **2024** yang sentiasa diwar-warkan kepada warga UiTM Perlis semasa Majlis Amanat Rektor yang dilakukan secara tahunan. Antara agenda utama dalam perancangan-perancangan ini ialah Pemantapan Aktiviti Penerbitan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan kesemua staf akademik UiTMPs bersama-sama menyumbang ke arah pencapaian terbaik dalam penerbitan seperti Bengkel Handholding dan II untuk penerbitan berindeks (Siri I) dan berimpak tinggi (siri II), 30 Days 30 Articles challenge, Road to Gold: FSR Writing Champion, dan sebagainya.

Antara penambahbaikan pelaksanaan operasi yang telah dijalankan berbanding tahun-tahun yang lalu, peserta dan program-program yang telah dijalankan pada 2023 dan 2024 telah **dinilai dan dipantau secara berkala dan sistematik**. Ini bagi memastikan peserta dan program mencapai output yang dijangkakan. Kejayaan UiTMPs dalam bidang penerbitan diukur berdasarkan kepada jumlah artikel dan lain-lain yang telah berjaya diterbitkan oleh ahli akademik UiTMPs di jurnal-jurnal yang diindeks di MyCite dan Scopus/Wos/ERA.

Hasil daripada tema ini telah membuktikan UiTMPs komited dalam mendukung agenda UiTM2025. UiTMPs telah mencapai kejayaan yang membanggakan dengan memperoleh anugerah **TOP 1 Kampus untuk Corresponding Author tahun 2023**. Kejayaan pada tahun 2024 turut memberangsangkan walaupun UiTM Perlis tidak berjaya menempatkan diri di kelompok terbaik di kalangan kampus-kampus cawangan bagi semua PI penerbitan tetapi masih berjaya mendapat **tempat pertama dalam Anugerah Transformasi Ketampakan di Majlis AKPU**.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0033_HB02_20251_Hasil 2 - 7.2.2 Tahap.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0033_HB03_20252_Hasil 2 - 7.2.3 Tren.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0033_HB04_20253_Hasil 2 - 7.2.4 Perbandingan.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0033_HB05_20254_Hasil 2 - 7.2.5 Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL DARI PRESTASI KEWANGAN:

Pelaksanaan Program ePJJ di bawah iCEPS, hasil jualan perladangan, pertanian, penternakan di bawah Unit Ladang, serta projek wakaf melalui Dana Wakaf Ilmu UiTMPs (DWIPs).

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis (UiTMPs) **teguh komited** dalam memperkukuh bidang tumpuan **pengurusan kewangan strategik** serta **pembangunan staf yang berimpak tinggi** melalui pelbagai **inisiatif penjana pendapatan**. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan **kelestarian kewangan universiti**, malah menjadi pemangkin kepada peningkatan **kompetensi, profesionalisme, dan keupayaan staf** dalam melaksanakan fungsi pengurusan akademik dan sokongan.

Melalui **Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS)**, UiTMPs telah melaksanakan **Program ePJJ** yang bukan sahaja memperluas akses pendidikan tinggi, malah turut memperkukuh **keupayaan staf akademik dan pentadbiran** dalam pengurusan program pembelajaran fleksibel. Staf terlibat didedahkan kepada **kemahiran pedagogi digital, penyampaian inovatif, dan pentadbiran program secara efisien**, sekali gus meningkatkan **daya saing profesional** mereka.

Selain itu, **Unit Ladang UiTMPs** bukan sahaja menyumbang kepada **pendapatan universiti**, tetapi juga berfungsi sebagai **pusat latihan bersepadu** bagi staf dalam bidang **pengurusan sumber, operasi pertanian moden, dan keusahawanan agro**. Kejayaan Unit Ladang yang konsisten membuktikan keberkesanan **kepemimpinan operasi staf**, serta keupayaan mereka dalam menerapkan **amalan terbaik pengurusan hasil**. Pengalaman ini mengukuhkan kompetensi staf, menjadikan mereka lebih **berdaya tahan dan inovatif** dalam mendepani cabaran sektor pertanian berasaskan universiti.

Dalam masa yang sama, pelaksanaan **Dana Wakaf Ilmu UiTM Cawangan Perlis (DWIPs)** turut memberi nilai tambah kepada pembangunan staf melalui penglibatan mereka dalam **strategi pengurusan dana, projek kelestarian, serta hubungan komuniti berteraskan filantropi pendidikan**. Penglibatan staf dalam inisiatif ini telah memperkukuh **kemahiran kepimpinan, pengurusan kewangan berintegriti, serta jaringan kerjasama dengan pihak berkepentingan luar**.

Secara keseluruhannya, pencapaian dalam program **ePJJ iCEPS, Unit Ladang, dan DWIPs** bukan sahaja membuktikan keberkesanan UiTMPs dalam menjana pendapatan, tetapi juga **membangunkan staf ke arah lebih kompeten, inovatif, dan berdaya saing global**. Pendekatan ini menyokong bidang tumpuan **Pengurusan dan Pembangunan Staf**, dengan memastikan staf dilengkapi dengan **kemahiran strategik, pengurusan cemerlang, serta keupayaan kepimpinan berimpak tinggi** untuk menjamin **kelestarian institusi** pada masa hadapan.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0033_HB02_20251_2025_UiTMPs_7.3.2.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0033_HB03_20252_2025_UiTMPs_7.3.3.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/ TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0033_HB04_20253_2025_UiTMPs_7.3.4.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0033_HB05_20254_2025_UiTMPs_7.3.5.pdf](#)